

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil.30

Hari Selasa

9 Disember 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan Daripada Dewan Rakyat
(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

USUL:

Sokongan Terhadap Kepimpinan Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.
- Y.B Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman
(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)

- “ Dato’ Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 9 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“8 Disember 1997.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN - BILANGAN PEMOHON

1. Tuan Zakaria bin Arshad minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa ramaikah di kalangan rakyat Malaysia yang telah memohon untuk menggunakan kemudahan pinjaman dari Tabung Pembangunan Usahawan semenjak ia dilancarkan; dan
- (b) berapa ramaikah di antara mereka ini yang benar-benar telah berjaya menjadi ‘Usahawan Yang Berjaya’ dengan memberikan datanya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan pada masa kini mengendalikan satu skim pembiayaan yang dinamakan Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (Small Entrepreneur Financing Fund (SEFF)). Tabung ini menyediakan kemudahan pembiayaan di antara RM10,000 hingga RM50,000 bagi membantu usahawan kecil mendapatkan modal kerja tambahan tanpa memerlukan cagaran dan penjamin.

Semenjak dilancarkan pada 31 Oktober tahun lalu, sambutan dari usahawan adalah menggalakkan. Sehingga 25 November 1997 kementerian

telah menerima 4,460 permohonan dari seluruh negara. Memandangkan tabung ini baru sahaja dilaksanakan adalah terlalu awal untuk kementerian membuat penilaian terhadap kejayaan usahawan yang mendapat pembiayaan daripada tabung ini. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengawasi prestasi pembayaran balik dan kemajuan perniagaan setiap usahawan yang telah menerima pembiayaan SEFF. Sekian.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga dengan prihatinnya kerajaan untuk membentuk dan melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya di negara ini. Soalan tambahan, dalam pemberian di bawah Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil ini berapa peratuskah di kalangan kaum wanita yang terlibat dengan pinjaman ataupun pembiayaan ini? Terima kasih.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat tepat, tetapi mengikut pengalaman kursus-kursus yang saya telah hadiri, yang telah saya semak hampir separuh daripada peminjamnya ialah wanita dan masa kini kita lihat usahawanita-usahawanita ini nampaknya begitu dinamik sekali kalau dibandingkan dengan usahawanita-usahawanita yang sebelum daripada ini, terutama yang datang daripada Kelantan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sambutan dan keberkesanan yang saya lihat di kawasan saya sendiri, seperti kata Timbalan Menteri di kawasan luar bandar, tentang tabung SEFF ini apakah ianya terlibat dengan keadaan kemelut ekonomi yang sedang

berlaku sekarang, maksudnya adakah terlibat dengan pemotongan atau sebagainya.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya keadaan ekonomi sekarang ini akan sedikit sebanyak menjejaskan SEFF, walau bagaimanapun kita akan merayu kepada pihak-pihak bank kerana peminjam-peminjamnya terdiri daripada usahawan-usahawan kecil yang masih memerlukan kepada pinjaman-pinjaman ini supaya jika ada masalah pun ianya tidak diperbesarkan sangat. Jadi, asasnya saya katakan mungkin ada sedikit sebanyak masalah yang timbul oleh kerana adanya credit squeeze, dengan izin, yang berlaku masa kini tetapi kita harap pihak-pihak bank tidak akan terlalu menekan usahawan-usahawan kecil ini.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian Pembangunan Usahawan ini objeknya ialah usahawan, apakah benar dakwaan setengah-setengah pihak bahawa kementerian masih belum lagi mengadakan satu indeks piawaian berkenaan dengan pembangunan usahawan sama ada usahawan itu berjaya, kurang berjaya dan sebagainya kerana secara relatifnya kita melihat kejayaan usahawan ini banyak dari segi pembangunan fizikal, maknanya kereta besar, pejabat besar, isteri besar [*Ketawa*], contohnya. Jadi sebagai sebuah kementerian apakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa kementerian masih belum mengadakan piawaian kepada usahawan kecil, usahawan sederhana, usahawan besar dan sebagainya. Kalau tidak, mengapakah ianya tidak dilaksanakan sebagai sebuah kementerian yang amat penting dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Apa makna ‘isteri besar’ ini? *[Ketawa]*

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Rosli. Sebenarnya di kementerian memang kita ada piawaiannya, kita ada klasifikasi apa yang dikatakan dengan usahawan kecil dan apa yang dikatakan dengan usahawan besar. Mengikut takrifan yang dikeluarkan yang banyak digunakan masa kini ialah mereka yang modal berbayarnya kurang daripada RM250,000 boleh dianggap sebagai di bawah kategori kecil dan sederhana. Yang lebih daripada itu dikatakan sebagai usahawan besar. Cuma yang tidak ada di kementerian ialah jumlah ataupun data-data yang lengkap yang mana masa kini sedang dikemaskinikan oleh pihak kementerian.

BPNS ataupun Perbadanan Nasional Berhad telah diberi tugas di bawah kementerian untuk mengumpulkan data-data ini dan kita telah siap dengan perisiannya (software) dan kita juga telah mewujudkan satu website di mana data-data ini boleh dimasukkan melalui Internet yang mana kita memberi access code kepada agensi-agensi yang berkenaan, dan selepas daripada ini fasa II dan III kepada usahawan-usahawan yang berkenaan untuk memasukkan data-data mereka ke dalam website kita dan insya-Allah, kita akan dapat mengemaskinikan data terkini tentang usahawan-usahawan di seluruh negara.

PASUKAN KHAS BAGI MENANGANI KEMASUKAN PENDATANG HARAM - MENUBUHKAN

2. Datuk Michael Bong Thiam Joo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dengan tertubuhnya Pasukan Gerakan Khas PDRM untuk

menangani kes keganasan bersifat anti gerila dan jenayah, adakah Jabatan Imigresen akan juga menubuhkan sebuah pasukan yang elit ini untuk menangani masalah pendatang haram yang berbangkit dengan kebanjiran masuk secara haram oleh pendatang asing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat belum ada keperluan untuk menubuhkan pasukan gerak khas di Jabatan Imigresen Malaysia seperti yang ditubuhkan di dalam Polis DiRaja Malaysia kerana fungsi yang serupa belum wujud di dalam Jabatan Imigresen Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan memang bercadang memperkuatkan unit penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia bagi menampung beban tugas yang bertambah berikutan kemasukan pendatang asing sama ada secara sah atau secara tanpa izin yang bertambah. Buat masa ini perkara ini dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan keterlibatan pembangunan yang pesat khususnya di kawasan yang menjadi prime development, dengan izin, seperti Pantai Timur dalam pembangunan minyak dan gas yang mana pegawai-pegawai Imigresen tidak mencukupi, setengah daerahnya ada dua. Apakah kalau ini berkurangan, satu tindakan serta-merta untuk menambahkan kakitangan supaya permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat dapat diatasi. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Jabatan Imigresen menghadapi masalah kekurangan pegawai,

seandainya ada permasalahan yang timbul dan perlu diatasi dengan segera, memerlukan ditambah pegawai secepat mungkin, kita boleh menggerakkan tenaga pegawai-pegawai kita untuk dihantar ke tempat berkenaan sekiranya ada keperluan yang mendadak.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah bilangan pegawai penguatkuasa Imigresen yang ada sekarang dan bolehkah agaknya kementerian memberi anggaran ratio satu pegawai kepada berapa pendatang haram mengikut jumlah yang ada sekarang. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis berkenaan dengan jumlah pegawai penguatkuasa yang ada di Jabatan Imigresen. Bagaimanapun, kalau Jabatan Imigresen hendak mengadakan satu-satu operasi, kita akan mendapatkan kerjasama daripada pihak polis, kalau dahulunya kita mendapat kerjasama daripada Pasukan Polis Hutan (Field Force) yang sekarang ini telah pun diubahsuai namanya kepada Pasukan Gerakan Am dan mereka ini akan kita salurkan untuk menolong membantu pegawai-pegawai Imigresen dalam operasi yang hendak dilaksanakan. Misalnya dalam operasi kita di Kuala Lumpur International Airport (KLIA), kita telah menghantar beratus-ratus anggota polis untuk menolong pegawai-pegawai Imigresen untuk menangkap 1,600 pendatang asing. Jadi, kalau ada operasi yang perlu dilaksanakan oleh pihak Imigresen, kita akan mendapatkan kerjasama daripada pihak polis.

'POLIS DUNIA' TAJAAN AMERIKA SYARIKAT - KEWUJUDAN

3. Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah benar wujudnya ‘polis dunia’ tajaan Amerika Syarikat untuk mengugut negara-negara lain mengikut telunjuk mereka:

- (a) apakah ada hak sesebuah negara membuat siasatan aktiviti sesuatu institusi, agensi atau syarikat di negara ini dan negara lain; dan
- (b) apakah Malaysia bercadang untuk membincangkan perkara ini di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan Kementerian Luar Negeri tidak ada ‘polis dunia’ yang ditaja oleh Amerika Syarikat mahupun oleh negara-negara lain. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia tetap berpendapat tiada mana-mana negara lain berhak untuk menyiasat aktiviti-aktiviti institusi, agensi ataupun syarikat-syarikat Malaysia dan juga di negara-negara lain.

Malaysia juga tidak bercadang pada masa ini untuk membawa perkara yang berkaitan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

LORI MEMBAWA MUATAN LEBIH PANJANG - CADANGAN MENGATASI

4. Tuan Jang Chow Thye minta Menteri Pengangkutan akan memperhebatkan lagi penguatkuasaan serta meminda Akta Lalulintas dalam mengharamkan lori membawa muatan melebihi panjang ‘body’ lori itu. Adakah kementerian sedar kesulitan-kesulitan yang akan dihadapi oleh pengguna dan tuan punya lori apabila hendak mengangkut barangan yang panjang tetapi kuantitinya adalah sedikit. Apakah cadangan kementerian supaya kesulitan ini dapat diatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pindaan kaedah mengenai larangan lori membawa barang-barangan yang berlebihan daripada badan lori sama ada di kiri, kanan dan terjulur di belakang atau hadapan daripada badan lori telah pun

diwartakan pada 25 Julai 1997. Walau bagaimanapun, bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha lori membuat pengubahsuaian ke atas lori-lori mereka bagi memenuhi peraturan baru ini, penguatkuasaan ke atas kaedah baru tersebut hanya akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dan Selangor serta semua lebuhraya bertol mulai 15 Disember 1997.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar akan kesulitankesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha lori untuk memenuhi peraturan baru ini iaitu apabila mengangkut barang yang panjang tetapi kuantitinya adalah sedikit. Bagi mengatasi kesulitan yang tersebut terutama yang melibatkan lori-lori kecil iaitu lori yang berat dengan muatannya 5,000 kilogram ke bawah yang merupakan Lorry 'de-control', dengan izin, yang membawa muatan lebih panjang dengan jumlah yang sedikit, kementerian telah pun bersetuju untuk memberi kelonggaran kepada mereka dengan mengikut garis panduan yang disediakan oleh pihak JPJ seperti berikut:

- (i) Lorry de-control yang beratnya 5,000 kilogram yang membawa muatan panjang tidak melebihi 6 meter ataupun 20 kaki adalah dibenarkan dengan syarat pengubahsuaian dibuat ke atas lori tersebut dengan mengadakan pengalas belakang ataupun laci yang boleh disorong keluar dan masuk dan di bahagian belakang diletakkan dengan bahan pemantul cahaya (reflective); dan
- (ii) Lorry de-control yang beratnya 2,500 kilogram yang membawa muatan panjang tidak melebihi 6 meter ataupun

20 kaki adalah dibenarkan dengan syarat lori-lori tersebut memasang para di bahagian atas bumbung dan bahagian belakang dengan pengadang yang diletakkan dengan bahan pemantul cahaya (reflective). Walau bagaimanapun, lori-lori tersebut tidak dibenarkan melalui lebuh raya bertol dan digunakan pada waktu siang hari sahaja. Sekian.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa pada masa sekarang banyak kemalangan berlaku di jalan raya disebabkan lori panjang, lori trailer, lori yang 24 roda khususnya yang berulang alik berjalan di Pantai Timur di mana jalannya hanyalah sehalu sahaja, tidak sesuai untuk lori panjang ini digunakan di tembok ini. Oleh itu, adakah pihak kerajaan bertanggungjawab dari segi moral ke atas mangsa-mangsa akibat kemalangan jalan raya yang banyak berlaku di Pantai Timur akibat daripada lori-lori yang panjang ini, yang tidak patut berjalan di jalan-jalan yang amat sempit ini. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dengan nada tinggi ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan memang sedar tentang begitu banyak kemalangan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu lori ataupun membawa kenderaan-kenderaan berat yang cuai. Kerajaan melalui agensi mereka iaitu JPJ senantiasanya mengadakan penguatkuasaan di jalan-jalan yang bukan bertol, iaitu jalan-jalan dalam negeri ataupun jalan-jalan Persekutuan. Maka buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk tidak membenarkan lori-lori atau kenderaan-

kenderaan berat yang mengangkut barang-barangan berat mengguna jalan di negeri tetapi tindakan penguatkuasaan akan diperhebatkan lagi.

Salah satu aspek penguatkuasaan ialah memastikan supaya kenderaan-kenderaan berat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki iaitu lori-lori besar beroda 20 atau 10, semua adalah sempurna dalam semua aspek iaitu dengan izin, road worthy in all aspect semasa mereka berada di jalan raya. Sekian.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebut sahaja Akta Lalulintas terutama lori panjang ini dan dengan izin, 18 wheelers kalau di pedalaman Sabah, beberapa kali kita telah suarakan kalau boleh ini diharamkan, sebab al-maklum sebagai contoh, jalan daripada Keningau-Tambunan ke Kota Kinabalu bengkok-bengkok. Jadi apabila lori yang mempunyai 18 roda ke atas ini menggunakan jalan itu, di situlah kemalangan berlaku seperti yang disuarakan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Apakah kerajaan atau kementerian tidak berhasrat untuk mengharamkan penggunaan 18 wheelers di kawasan-kawasan yang sempit atau kawasan yang berbengkok-bengkok atau mencari alternatif lain mana satu jalan yang mereka boleh lalui. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, segala jalan sama ada jalan bertol ataupun jalan-jalan yang dibina oleh pihak JKR dalam seluruh negara memang mempunyai mutu supaya semua kenderaan dapat menggunakan jalan-jalan yang dibina. Tetapi apa yang penting seperti saya katakan tadi semua pengusaha lori sama ada 18

wheelers ataupun 4 wheelers, dengan izin, harus mematuhi peraturan keselamatan dan lalu lintas dan juga pada masa yang sama mereka juga harus mematuhi supaya memastikan muatan yang diangkut oleh lori-lori mereka tidak melebihi had yang dibenarkan. Ini adalah penting sekali, sebab jika mengikut piawaian JKR, sebuah lori yang mempunyai 10 roda hanya boleh mengangkut sekian-sekian had muatan, dibenarkan, maka jalan raya, tidak akan rosak ataupun jahanam dengan cepat dan dari segi keselamatan tidak akan menimbulkan sebarang kesulitan. Tetapi apa masalah yang kita hadapi sekarang ialah semua pengusaha hendak cari keuntungan yang cepat dan lebih dan jika JPJ tidak menjalankan penguatkuasaan, pengusaha-pengusaha tersebut akan mengangkut barang mereka melebihi had yang dibenarkan. Itu masalahnya. Di negeri Sabah dan Sarawak, pihak JPJ telah pun memberi arahan supaya mengambil tindakan lebih tegas terhadap pengusaha-pengusaha lori sedemikian. Sekian.

HAIWAN LIAR EKSOTIK - SISTEM PERLINDUNGAN

5. Tuan Long bin Jidin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan haiwan liar eksotik tentang sistem perlindungannya termasuk species dan sub-species yang diimport dan:

- (a) adakah kementerian bercadang untuk memberi kebenaran kepada mana-mana pihak dalam program perladangan bagi menambah keluaran daging; dan
- (b) kedudukan haiwan liar dalam negara tetapi yang telah dijinak.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, kehidupan liar eksotik dilindungi di bawah Akta 76, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Dengan itu semua urusan yang melibatkan hidupan liar eksotik seperti import, eksport dan pemeliharaannya adalah memerlukan lesen-lesen di bawah akta berkenaan.

Bagi menjawab soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan dan memberi kebenaran kepada mana-mana pihak dalam program perladangan bagi menambah keluaran daging dengan syarat bahawa pihak tersebut mempunyai keupayaan dan dapat mematuhi syarat-syarat yang berkenaan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat spesies hidupan liar yang telah dijinakkan, ianya masih dikategorikan sebagai hidupan liar. Oleh itu, pemeliharaan dan pembiakannya memerlukan lesen-lesen permit. Sekian.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum soalan tambahan, saya hendak ucap terima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana menjadi tuan rumah kepada Kelab Senator pada pagi ini tadi, sungguh hebat sekali, dengan izin, we are very impress by the taklimat.

Soalan tambahan saya, sekarang ini terlalu banyak sangat binatang yang kita tidak boleh buru dan yang kita tidak boleh tembak dan kita tidak tahu

binatang-binatang yang tidak boleh dan yang boleh. Jadi kalau pihak kementerian boleh memberitahu secara bertulis kepada saya, apakah jenis binatang yang boleh kita tembak sekarang ini yang ada di dalam hutan. Kalau kata yang tidak boleh ditembak terlalu banyak, tetapi yang boleh ditembak sekarang ini termasuk misalannya, minta maaf, babi hutan barangkali boleh lagi, musang boleh lagi, ayam hutan tak tahulah, rusa memang tak boleh, kena ada lesen, seladang memang tak boleh, kijang, pelandok, kancil, jadi yang tak boleh sahaja yang banyak? Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah pasal Kelab Senator sudi berkunjung ke kementerian tengok sendiri, apa yang didialog tadi tidak termasuk PERHILITAN, itu yang timbul ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan itu kita kena ingat bahawa semua binatang ini adalah makhluk Allah. *[Ketawa]* Jadi yang hendak ditembak itu tak boleh, jadi kita mesti ingat habitat ini. Ini semua adalah barang yang bernyawa, kita perlukan barang-barang ini, dunia memerlukan ini, manusia memerlukan semua ini. Jadi senarai itu panjang, boleh tengok di pejabat PERHILITAN, *[Ketawa]* hendak cakap pun itulah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita diberitahu binatang-binatang liar dalam hutan ini bila kita makan dia mempunyai banyak khasiat untuk berbagai-bagai orang yang memerlukan. Jadi saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, setakat ini berapa

buah syarikat ataupun secara individu yang mendapat lesen untuk memelihara atau menjinakkan binatang-binatang liar ini seperti rusa, pelandok, kancil, kijang dan sebagainya supaya ahli-ahli Dewan ini dapat mengetahui ke mana mereka hendak pergi kalau hendak membelinya.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Bukan semua daging binatang ini boleh dimakan, kena ingat, ada yang jadi racun, nanti susah, jadi kita mati tak pasal sahaja, seronok makan daging. Bagi memberi senarai mereka yang boleh menjual barang-barang ini sangatlah panjang, saya tak terdaya hendak beri di sini, saya perlukan notis ini semua. Itu sahajalah. Jadi apa yang Dato' Abdul Aziz kata tadi, kalau hendak yang khasiat itu saya tahu, dengan umur dia sekarang, ada bendalah, mari jumpa saya. Terima kasih. *[Ketawa]*

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN UPSR - KESILAPAN

6. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Pendidikan menyatakan terdapat beberapa kesilapan dalam kertas Bahasa Malaysia dan Sains dalam UPSR tahun ini. Bagaimanakah kertas-kertas soalan bagi peperiksaan awam disediakan. Kenapa kesilapan-kesilapan ini tidak dapat dikesan sebelum dicetak. Apakah tindakan-tindakan untuk memastikan “Zero-Defect” dalam kertas soalan peperiksaan awam.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, soalan dalam kertas Bahasa Melayu dan Sains UPSR boleh diterima pakai berdasarkan kepada kaedah penggubalan dan ujian statistik kebolehpercayaan soalan-soalan tersebut. Segala langkah telah diambil untuk memastikan zero-defect kepada soalan-soalan tersebut. Walau

bagaimanapun, langkah-langkah pencegahan daripada berlaku kesilapan senantiasanya dipertingkatkan dari masa ke semasa. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan amat dukacita kerana setahun sekali sahaja kita buat soalan-soalan ini untuk peperiksaan. Saya hendak tahu daripada kementerian siapakah yang bertanggungjawab, pegawai mana yang bertanggungjawab untuk mengatasi perkara ini supaya ianya tidak berlaku dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Kalau kita ikut dari segi meja kerja, kita tahu siapa yang bertanggungjawab tentang perkara ini, siapa pegawai dia dan adakah mereka ini diturunkan gaji, ditukar ke tempat lain supaya pada masa akan datang soalan-soalan ini tidak lagi mendapat masalah yang begitu senang diatasi ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak membuat kertas-kertas peperiksaan ini ada jawatankuasanya yang diwakili oleh Lembaga Peperiksaan dan juga Majlis Peperiksaan kita. Mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai yang kita katakan mahir dan kita mempunyai kepercayaan kepada pegawai-pegawai kita ini. Cuma yang timbul ini ada pandangan-pandangan yang berbeza daripada orang yang berpengetahuan juga dan kita tidak mengenyahkan pandangan-pandangan yang sebegini. Cuma yang hendak ditegaskan di sini, kertas-kertas yang telah diolah itu telah dikendalikan dengan secermat mungkin, tinggal lagi bagaimana tafsiran kupasan yang diberikan oleh setengah-setengah pihak yang ada pengetahuan juga tentang selok-belok kertas-kertas peperiksaan ini, itu kita

ambil perhatian. Dan apabila timbul perkara ini dahulu kita telah pun mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai yang berkenaan dan kita puas hati di atas penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh pegawai-pegawai tersebut. Saya fikir kita terima dengan baik dan kita mengambil kira apa juga reaksi yang telah timbul supaya perkara-perkara yang demikian dapat dihindarkan daripada berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita telah mendengar pengumuman Menteri Pendidikan iaitu menjadikan Malaysia ini pusat kecemerlangan ilmu dan kita telah bercakap soal smart school, kita bercakap soal ilmu secara global. Sebagai seorang bekas pendidik selama 26 tahun, saya rasa adalah tidak adil kita timbulkan isu kesilapan teknikal soalan-soalan itu. Saya berfikir kementerian patut kaji semula sama ada cara penilaian UPSR, PMR yang ada sekarang ini sesuai dengan hasrat dari segi konsep dasar pendidikan ke arah pendidikan cemerlang itu sendiri. Apakah sistem yang ada sekarang ini perlu difikirkan, perlu diubah. Adakah tidak ada sistem penilaian lain untuk hendak mengukur kebolehan dan kemampuan anak-anak kita?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan ada mengambil langkah-langkah untuk meneliti tentang cara-cara peperiksaan atau penilaian yang diamalkan sekarang ini sesuai dengan hasrat kita untuk mencapai matlamat akhir di satu hari nanti untuk membolehkan dan menjadikan negara kita Malaysia ini sebagai satu

pusat kecemerlangan pendidikan di kawasan rantau ini. Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri telah pun membuat beberapa pengumuman tentang kajian-kajian dan penelitian-penelitian yang kita buat, pertama, dari segi soal cara penilaian yang dibuat melalui sistem sekarang dan yang kedua, jangka waktu anak-anak kita yang berada di dalam sistem persekolahan itu sendiri sama ada patut dipendekkan lagi di masa-masa yang akan datang dengan tidak mengorbankan mutu dan nilai keilmuan itu sendiri. Jadi langkah-langkah ini memang sedang kita teliti dan insya-Allah, bila sampai masa kita akan buat pengumuman-pengumuman yang kita fikir sesuai untuk menampung keperluan masa depan bidang keilmuan di negara kita ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan terhadap kaedah pertukaran pusat pemeriksaan kertas-kertas jawapan UPSR kerana kita mendapat komen-komen yang pro dan kontra di atas sistem yang baru ini. Saya ingin mendapat penjelasan apakah sebab musababnya sistem ini diubah kepada satu sistem yang baru?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem itu kita buat baru-baru ini kerana kita berhasrat kalau boleh urusan ini dapat dikendalikan secara berpusat dan dengan jangka waktu yang lebih cepat. Kita terima pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak yang berkaitan dengan perkara ini. Kalau betul sekiranya sistem ini menimbulkan perkara-perkara yang memudaratkan, kita tidak ada masalah, kita boleh berpatah balik kepada cara yang kita amalkan selama ini di mana kertas-kertas peperiksaan itu dibahagi-bahagikan kepada

pemeriksa-pemeriksa yang telah pun dipilih oleh Lembaga Peperiksaan. Itu sedang kita teliti sekarang ini.

HAKISAN LAUT DAN SUNGAI - LANGKAH MENCEGAH

7. Tuan Tan Ek Huat minta Menteri Pertanian menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian tersebut untuk mencegah dan menyelesaikan masalah hakisan laut dan sungai. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu penduduk-penduduk tempatan yang menjadi mangsa disebabkan hakisan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin

Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi mengawal masalah hakisan pantai di seluruh negara, kerajaan melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

(i) Langkah jangka pendek.

Di bawah langkah jangka pendek, tindakan-tindakan yang diambil meliputi pembinaan struktur-struktur pengawalan hakisan sekiranya ia berdaya maju. Di kawasan-kawasan yang menghadapi hakisan yang kritikal untuk melindungi kemudahan dan harta benda dari ancaman hakisan laut. Mengikut kawasan yang mana hakisan belum sampai ke tahap kritikal, pengesanan mengenai kesan-kesan dijalankan dan tindakan sewajarnya diambil sekiranya kesan menjadi serius.

Bagi makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mencegah dan menyelesaikan

masalah kesan di kawasan pantai didapati berkesan. Sehingga kini sebanyak 42 kawasan pantai sepanjang 88.5 kilometer yang mengalami kesan yang kritikal telah dapat diselamatkan. Selain daripada mengurangkan ancaman kepada penduduk-penduduk di kawasan pinggir, kerugian harta benda juga dapat diselamatkan.

(ii) Langkah jangka panjang.

Sebagai langkah jangka panjang, tindakan yang diambil untuk mencegah hakisan pantai meliputi:

- (a) menyelaraskan perancangan serta pengawalan pembangunan, jenis kegunaan tanah di sepanjang pesisir pantai;
- (b) mengekalkan hutan paya bakau dan menanam semula pokok bakau di kawasan-kawasan pantai; dan
- (c) pengawasan agar pembangunan di kawasan pesisir pantai tidak akan menimbulkan kesan-kesan buruk seperti kesan pantai di kawasan persekitarannya.

Di bawah langkah ini anjakan gigi air setinggi 60 meter bagi pantai berpasir, 400 meter bagi pantai berlumpur yang mencukupi perlu disediakan bagi semua penimbunan pesisir pantai di samping menjalankan kajian terperinci bagi memastikan

bangunan berkenaan tidak akan menimbulkan masalah hakisan kawasan berkenaan. Di samping itu, garis panduan mengenai hakisan kawalan pantai berikutan dari pembangunan di kawasan pantai telah diadakan untuk kegunaan bagi semua pihak.

Bagi mengawal kawasan sungai pula, kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (a) pembinaan struktur-struktur pengawalan hakisan di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah serius;
- (b) penyediaan dan pengurusan kawasan rizab sungai;
- (c) penyediaan pelan induk pengurusan sungai; dan
- (d) kawalan penggunaan tanah dan pembangunan berhampiran sungai.

Kerja-kerja perlindungan sungai bagi mencegah kesan hakisan juga dijalankan di bawah program pengawalan sungai. Langkah-langkah yang telah diambil bagi mencegah hakisan sungai adalah berkesan dan projek-projek yang telah siap sedia dengan jayanya termasuk Sungai Kelantan dan Rantau Panjang, Sungai Pahang, Pekan, Sungai Golok, Sungai Kuantan dan Sungai Kelang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada menyediakan struktur-struktur perlindungan hakisan laut dan sungai oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri juga menyediakan tanah dan kemudahan bagi penempatan semula mangsa-mangsa hakisan. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada disebutkan menanam semula pokok-pokok bakau. Berapa banyak pokok bakau yang ditanam? Setahu saya, saya tengok tidak ada yang ditanam, tetapi banyak yang ditebang dan terjadi hakisan di tiap-tiap kampung yang ditebang pokok bakau. Jadi, pokok bakau ini di bawah pengurusan kementerian mana yang mengawal pokok-pokok bakau. Saya ingat satu masa nanti kita tidak tengok lagi pokok bakau ini, habislah begitu sahaja, tidak ada pengawalan yang cukup, yang dikatakan tanam pun saya tidak tahu berapa banyak yang kita sudah tanam semula? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, tanah yang dikatakan hakisan pantai hutan bakau ini diselenggarakan oleh Kementerian Perusahaan Utama. Kalau Yang Berhormat sedia maklum, kalau dilihatlah, saya ingat ada banyak kawasan yang ditanam pokok bakau balik, di Kelantan, di Kedah, di Perak memang kita tanam pokok bakau. Memang kita tebang untuk dapatkan kayu tetapi kita tanam balik dengan pokok bakau. Inilah yang kita lakukan. Insya-Allah, saya tahu di Kedah walaupun kawasan itu ditimbus semula, kawasan itu terus ditanam dengan pokok bakau. Ini yang kita lakukan. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, masalah hakisan sungai ini biasanya memberi banyak masalah dan kesulitan kepada penduduk-penduduk tempatan yang miskin. Adakah pihak kementerian membuat satu kajian mengenal pasti sungai-sungai yang banyak menghadapi hakisan dan menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk. Sama ada

kementerian bercadang hendak membuat penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dengan sungai yang terhakis ini.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar perkara ini berlaku dan telah membuat kajian. Kawasan tersebut ini banyak telah diadakan kajian, misalnya di Perlis, 9 kawasan telah dikenal pasti yang melibatkan 1.83 kilometer dan seterusnya seluruh negara 328 sungai yang melibatkan 258.01 kilometer. Walaupun pihak kerajaan mengambil tindakan, tetapi ada juga kawasan-kawasan yang dikatakan buat rumah di tepi sungai ataupun di tepi laut yang menyebabkan hakisan. Kerajaan sedang memikirkan hal ini dan kita ada program untuk penempatan semula mereka ini dan kita bekerjasama dengan kerajaan negeri. Terima kasih.

AKTIVITI PENSWASTAAN - RUNGUTAN ORANG RAMAI

8. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaan aktiviti yang diswastakan memandangkan ketidakpuasan rakyat terhadap kenaikan tol, kenaikan pembayaran air dan api, pengutipan sampah dan pada masa yang sama perkhidmatan yang diterima lebih teruk daripada masa sebelum penswastakan. Apakah langkah-langkah yang diambil ke arah memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji

Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaan program penswastakan kerana ianya telah mencapai matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan. Kerajaan menyedari mengenai ketidakpuasan hati rakyat terhadap kenaikan kadar caj perkhidmatan yang diswastakan dan sedang

mengambil tindakan bagi memastikan kenaikan kadar berkenaan adalah dihadkan kepada kadar yang munasabah dan adil kepada semua pihak.

Saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk menjelaskan bahawa kenaikan kadar caj bagi perkhidmatan yang diswastakan tidak dapat dielakkan kerana semasa perkhidmatan tersebut disediakan oleh kerajaan, caj yang dikenakan tidak menggambarkan kos sebenar bagi menyediakan perkhidmatan tersebut. Ini bermakna terdapat unsur subsidi dalam caj perkhidmatan tersebut yang ditanggung oleh pembayar cukai. Oleh itu, kerajaan berpendapat adalah lebih adil bagi perkhidmatan seperti bekalan elektrik, bekalan air, pelupusan sisa pepejal dan lebuhraya yang disediakan dikenakan kadar caj yang menggambarkan kos sebenar perkhidmatan berkenaan dan ditanggung oleh pihak yang menggunakan perkhidmatan tersebut dan bukannya oleh pembayar cukai yang lain.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa mutu perkhidmatan yang disediakan bertambah buruk, perkara ini adalah tidak benar memandangkan sejak diswastakan industri seperti perkhidmatan bekalan elektrik dan telekomunikasi telah berkembang dengan pesatnya dan telah dapat menawarkan pelbagai perkhidmatan baru yang bermutu tinggi. Saya percaya sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan kekal disediakan oleh kerajaan, orang ramai tidak akan dapat menikmati kemudahan seperti yang ditawarkan sekarang memandangkan keupayaan kewangan kerajaan yang terhad dan perlu disalurkan kepada perkhidmatan yang lebih penting seperti pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Di samping itu kerajaan telah menubuhkan beberapa badan kawal selia yang bertanggungjawab mengawal selia perjalanan industri yang bersifat monopoli seperti perkhidmatan bekalan elektrik, perkhidmatan telekomunikasi, bekalan air dan pelupusan sisa pepejal. Badan kawal selia tersebut akan mengawal selia industri berkenaan termasuklah mengenai mutu perkhidmatan, kadar caj dan penyediaan perkhidmatan yang diperlui oleh pengguna. Kerajaan sedang mengambil tindakan bagi memperkukuhkan badan kawal selia yang sedia ada dan untuk tujuan ini, satu kajian sedang dilaksanakan bagi menentukan bentuk kawal selia yang paling berkesan bagi membolehkan badan tersebut menangani isu-isu kawal selia dengan cekap dan memuaskan hati semua pihak.

Mengenai kadar caj pula, bagi memelihara kepentingan pengguna sebarang kenaikan kadar caj perlu mendapat kelulusan kerajaan sebelum ianya boleh dikuatkuasakan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada kerajaan di atas dasar penswastan yang telah dijalankan. Soalan tambahan, semenjak dasar penswastan dilaksanakan berapakah penjimatan yang dapat dibuat oleh kerajaan dan berapakah hasil yang diperolehi oleh kerajaan? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat. Semenjak dasar penswastan ini telah dilaksanakan pada pertengahan 1980an, penjimatan yang telah dapat dibuat oleh kerajaan ialah daripada segi belanja mengurus RM7 bilion, penjimatan bagi belanja modal

RM100 bilion. Hasil kepada kerajaan semenjak dasar ini dilaksanakan ialah RM22 bilion. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastan ini seharusnya bukan sahaja dilihat dari segi berapa banyak kerajaan mendapat untung, tetapi ianya harus dilihat apakah manfaat dan faedah yang diperolehi oleh rakyat, iaitu dari segi khidmat kepada rakyat sebab kerajaan bukan berniaga, kerajaan menjaga kepentingan pengguna, menjaga kepentingan rakyat. Oleh itu soalan saya, caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pengguna dalam sesuatu projek penswastan, sebagaimana contoh lebuh raya, apakah kerajaan benar-benar teliti secara halus sebelum sesuatu dokumen atau sebelum dibuat keputusan muktamad, sebab apabila perjanjian dibuat maka kerajaan tidak boleh lari daripada apa yang telah diputuskan oleh pihak kerajaan dan juga pihak yang melaksanakan projek penswastan berkenaan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan apakah kerajaan berhasrat supaya projek-projek penswastan yang melibatkan kepentingan pengguna supaya mempamerkan syarat-syarat yang telah dipersetujui kepada orang ramai, seperti EIA report mendapat komen pengguna-pengguna.

Kebimbangan saya, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat pembuat dasar termasuklah kerajaan, ianya terserah kepada pegawai-pegawai kerajaan memberi ulasan, komen dan sebagainya. Saya bimbang dalam dokumen yang begitu banyak, perbincangan yang begitu mendalam, tiba-tiba tanpa disedari sepatutnya apabila sesuatu projek itu dilaksanakan, kenaikan tol umpamanya, boleh ditimbang tiga tahun, kenapa tidak lima tahun, kenapa tidak enam tahun,

sebab ada kes di mana saya mengikuti kenyataan pihak kerajaan sendiri di mana ada kes kita lihat projek-projek penswastan, tiba-tiba setelah projek penswastan itu selesai, ada kakitangan kerajaan mengetuai syarikat-syarikat tersebut. Jadi ia menimbulkan kesangsian tetapi kerajaan sudah tidak boleh hendak elak sebab kerajaan sudah pun enter the agreement dengan pihak-pihak yang berkenaan. Ini saya rasa sudah sampai masanya ada projek-projek penswastan yang melibatkan kepentingan rakyat supaya dipamerkan kepada pengguna untuk mendapat maklum balas. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat mengatakan bahawa daripada segi kepentingan kewangan itu tidak penting adalah tidak benar dan tidak tepat. Penswastan dilakukan ialah kerana untuk membantu kerajaan menjimatkan kewangan. Saya merasa hairan kalau Yang Berhormat kata tidak penting kerana kalau kita dapat menyelamatkan dan menjimatkan RM107 bilion, itu satu jumlah yang besar. Kalau tidak diswastakan perkhidmatan ini, bermakna kerajaan terpaksa mengambil RM107 bilion itu - penjimatan yang dibuat - daripada rakyat. Jadi kenyataan itu adalah tidak betul dan tidak tepat kerana penswastan ialah dua perkara.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun dan menyampuk]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, ini ethic, saya menjawab dan dia tidak boleh bangun bertanya, sebab saya hendak beritahu tidak benar.....

Tuan Yang di-Pertua: Biar Timbalan Menteri jawab dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:....tidak tepat, kita swastakan ada dua sebab. Pertama, kerajaan tidak ada wang dan menjimatkan duit kerajaan. Kedua, ialah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dibandingkan kalau ianya diselenggarakan oleh kerajaan. Jadi, sebab itu saya kata dakwaan Yang Berhormat itu tidak tepat kerana RM129 bilion adalah satu wang yang banyak. Kalau tidak diswastakan, daripada manakah kerajaan untuk mendapatkan wang ini kalau tidak dicukaikan kepada rakyat, rakyat juga kena bayar. Jadi sebab itu saya kena jelaskan di sini bahawa adalah penting daripada segi penjimatan dan hasil yang diperolehi oleh kerajaan dalam soal penswastan ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu berkenaan dengan penswastan jalan raya. Sebenarnya kalau tidak diswastakan tidak mungkin kita dapat membentuk jalan seperti yang ada dalam PLUS sekarang ini, iaitu daripada Johor Bahru sampai ke Bukit Kayu Hitam. Kerajaan tidak mampu menyediakan wang untuk membangunkan highway ini. Kalau tidak dibangunkan highway ini, maka akan berlaku kesesakan sepertimana kita lihat sebelumnya PLUS ini dilaksanakan, tiap-tiap kali berlaku kesesakan jalan raya iaitu jalan hendak digunakan daripada Johor sampai ke Perlis. Jadi sebab itu kita perlu membina highway dan untuk membina highway ini agak sukar untuk kita menarik perhatian pelabur-pelabur kalau kita tidak memberikan satu insentif di dalam perjanjian itu, sebab perbelanjaannya bukan sedikit, perbelanjaannya begitu banyak. Sebab itu dari masa ke semasa kita terpaksa mengambil kira permintaan daripada pihak yang diberikan konsesi ini untuk menaikkan caj.

Walau bagaimanapun, sepertimana saya telah jawab dalam soalan sebentar tadi bahawa kita mempunyai badan kawal selia yang bukan sahaja menjaga mutu perkhidmatan tetapi juga akan membincang satu-satu permohonan untuk dinaikkan caj yang dikenakan kepada mereka yang menggunakan highway ini. Sebab itu dengan adanya badan kawal selia ini pihak yang mendapat konsesi tidak semudah dan sewenang-wenangnya boleh menaikkan harga tol. Jadi, sebab itu kita tidak boleh mengatakan bahawa kenaikan harga tol ini dibuat sewenang-wenangnya, kerana dia perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan dahulu. Walau bagaimanapun, kalau tidak dinaikkan sepertimana yang dimaklumkan oleh Menteri Kerja Raya semalam, kerajaan sendiri terpaksa membayar kalau kita tidak naikkan tol ini sebagai ganti rugi dan ini bukan kesilapan perjanjian, tetapi ini merupakan perkara yang telah dipersetujui dan sudah tentu kalau ianya tidak disediakan oleh kerajaan, maka tidak ada pihak-pihak pelabur yang ingin mendirikan highway ini, sebab itu kita kena ambil kira semua. Walau bagaimanapun, akhirnya kalau kita merasakan kenaikan itu, katalah tinggi, maka kita ada alternatif untuk menggunakan jalan yang lama.

Dr. Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasional projek Bakun sebagai satu projek penswastaaan itu ditarik balik dan apakah kos akan ditanggung oleh kerajaan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya ingat jawapan ini ada disebut dalam akhbar-akhbar waktu kita menghadapi krisis ekonomi, maka kita terpaksa menarik balik mana-mana projek mega yang

difikirkan boleh ditunda sementara waktu. Jadi saya fikir bahawa kalau Yang Berhormat bertanya apakah alasannya, alasannya ialah kerana kita menghadapi krisis ekonomi sementara waktu, sebab itu penswastaan Bakun ini ditunda.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA - JUMLAH TAJUK BUKU BARU

9. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah tajuk baru buku Dewan Bahasa dan Pustaka sepanjang tahun ini dan adakah ianya di samping memajukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, akan juga memajukan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan November 1997 ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan sebanyak 229 judul buku baru mengikut pelbagai peringkat pembaca dan bidang ilmu. Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan buku dalam bahasa Inggeris dengan tujuan untuk mempromosikan budaya dan tamadun Melayu. Antaranya ialah, dengan izin:

- (i) Islamic Civilisation In The Malay World; dan
- (ii) The Additional Malay And The Craft Design.

Jadi, dengan cara kita buat begini kita harap kita dapat mencapai matlamat serampang dua mata kita. Maknanya, sementara kita memberikan penekanan kepada pentingnya penggunaan Bahasa Melayu dalam semua jenis pentadbiran dan perhubungan, kita juga mengambil kira keperluan bahasa Inggeris untuk membolehkan anak bangsa kita berhubung dengan memainkan peranan bukan sahaja dalam negara kita, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan proses penterjemahan

buku-buku terutama buku-buku teknikal dan juga bersangkut-paut dengan information technology, dengan izin. Di dalam judul-judul yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini berapa judul yang berkaitan dengan buku-buku yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan sebagainya.

Kita dapati proses penterjemahan yang dibuat oleh badan-badan kita di Malaysia ini mengambil masa begitu lama, sehinggakan sebuah buku teknikal yang dikeluarkan oleh pusat-pusat penyelidikan di peringkat antarabangsa berkemungkinan diterjemahkan di dalam Bahasa Malaysia dalam masa mungkin 3 hingga 4 tahun kemudian, sehinggakan teori baru muncul beberapa kali, baru kita mengetahui?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, khusus di bawah Kementerian Pendidikan kita uruskan soal menterjemahkan berbagai perkara termasuk buku-buku ilmiah melalui Institut Terjemahan Negara. Dalam masa yang sama ada agensi-agensi lain juga yang menyelenggarakan kegiatan-kegiatan untuk menterjemahkan pelbagai jenis buku ini.

Saya menerima pandangan Yang Berhormat bahawa memang soal hendak menterjemahkan buku-buku ini memakan masa. Ini disebabkan oleh pelbagai perkara, terutama sekali dari segi cuba hendak mendapatkan istilah-istilah yang tepat dan jalan bahasa yang betul dan lain-lain perkara yang ada hubung kait dengan soal bahasa dan kebahasaan itu sendiri. Namun demikian, kita memang mengingatkan pihak-pihak yang bertanggungjawab baik Institut

Terjemahan Negara kita, Dewan Bahasa dan Pustaka, begitu juga pihak-pihak yang tertentu di institusi-institusi pengajian tinggi kita supaya dengan daya-upaya untuk mempercepatkan usaha-usaha ini, terutama sekali kita memang perlukan terjemahan buku-buku tersebut untuk membolehkan bukan sahaja pelajar-pelajar tetapi masyarakat kita mengikuti pelbagai bentuk dan corak pengetahuan melalui penterjemahan ini.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, kita memperakui memang kerajaan telah berjaya memajukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa Inggeris.

Saya ingin bertanya soalan tambahan, apakah kerajaan juga bercadang untuk memajukan bahasa Arab yang merupakan bahasa yang utama dan penting bagi orang Islam dalam menerokai ilmu-ilmu pengetahuan Islam dan juga berkomunikasi di dalam negara-negara Arab Saudi terutamanya Makkatulmukaramah?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali kita memang menggalakkan pelajar-pelajar kita untuk menguasai pelbagai bahasa, dari segi prinsipnya. Satu. Bahasa-bahasa yang digalakkan termasuklah bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Jerman dan lain-lain. Tetapi khusus untuk mempertingkatkan lagi keupayaan dan kemampuan pelajar-pelajar kita terutamanya dalam menguasai bahasa Arab melalui, pertama, sekolah-sekolah agama yang ada di negara kita ini. Begitu juga melalui institusi-institusi pengajian tinggi kita terutama sekali di Universiti

Islam Antarabangsa. Soal ini memang diberikan penekanan untuk mencapai matlamat-matlamat pelajaran kita.

Sebagai satu langkah jangka panjang, Kementerian Pendidikan telah pun memutuskan untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utamanya. Ini adalah sebagai satu cara untuk kita hendak merebakkan lagi bilangan dan keupayaan masyarakat kita dari segi jangka panjang dalam menguasai bahasa tersebut.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian DBP sehingga ini? Jawabnya sudah tentu “berpuashati,kan!” Tetapi pandangan umum kebanyakannya mengatakan sehingga ini DBP telah gagal untuk mencapai matlamatnya. Oleh kerana penggunaan Bahasa Malaysia sehingga hari ini tidak sebegitu meluas sebagaimana hasrat dan kehendak rakyat sebenarnya. Sebagai contoh umpamanya ISIS dalam setahun hanya boleh mengadakan 30 lebih seminar dan persidangan, tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka, saya tidak nampak kegiatan yang sebegitu aktif.

Adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan bahagian penerbitan buku-buku, kerana penerbitan ini boleh dibuat oleh mana-mana syarikat mencetak dan mengeluarkan buku, lebih baik Dewan Bahasa dan Pustaka menumpukan kepada usaha mengembang penggunaan bahasa itu sendiri? Itu soalan saya, sama ada benar-benar berpuas hati, kalau tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan hasrat mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan itu tercapai?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sejak Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan dan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan dilaksanakan, secara keseluruhannya kita puas hati, namun demikian, kita sebagai manusia biasa juga menerima hakikat ada kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dan ini yang kita buat melalui:

Pertama, oleh kerana adanya keperluan, kita telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

Kedua, kita telah pun pinda undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membolehkan direbakkan atau diperluaskan lagi kegunaan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan meliputi seluruh negara kita sehingga ke Sabah dan Sarawak. Dalam masa yang sama selain dari Jawatankuasa Penyelarasan ataupun pelaksanaan yang saya katakan tadi, kita juga telah menubuhkan sebuah lagi Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di kalangan pihak swasta yang mana kedua-dua jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai lapisan pihak dalam kerajaan dan juga di kalangan sektor swasta.

Kita juga mengambil langkah dan tindakan untuk memberikan kefahaman yang tepat baik kepada sektor awam sepertimana yang telah diisytiharkan oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini. Begitu juga di kalangan sektor swasta, kita libatkan semua lapisan yang kita fikirkan perlu dalam Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di kalangan sektor swasta. Kita juga berharap melalui cara ini, kita akan dapat mempertingkatkan lagi usaha-usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa rasmi.

Mengenai soal hendak menswastakan Bahagian Penerbitan, memang langkah-langkah sedang diambil untuk mencapai ke arah ini.

PUNGUTAN SAMPAH KURANG MEMUASKAN - TINDAKAN KEMENTERIAN

10. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan cadangan kementerian mengenai rungutan-rungutan mengenai pungutan sampah yang kurang memuaskan selepas perkhidmatan ini diswastakan. Adakah kementerian sedar pungutannya tidak menurut jadual kutipan yang teratur dan kadang-kadang sampah terbiar untuk beberapa hari tanpa dikutip. Longgokan-longgokan sampah ini juga menggalakkan pembiakan nyamuk aedes yang merupakan punca demam denggi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja yang telah menswastakan perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah di kawasan mereka.

Penswastakan ini dilaksanakan secara interim oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada laporan bulanan yang diterima, secara keseluruhannya kementerian mendapati perkhidmatan yang telah diambil alih oleh syarikat berkenaan telah bertambah baik berbanding dengan tahap perkhidmatan pada peringkat permulaannya. Walau bagaimanapun, kementerian ini tidak menafikan terdapat rungutan orang ramai terhadap sampah-sampah yang terbiar dan tidak dipungut. Oleh yang demikian, kementerian telah pun meminta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan sampah-sampah dipungut mengikut jadual yang ditetapkan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah pungutan sampah ini merupakan satu masalah yang selalu kita dengar, adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat satu kajian, satu alternatif untuk cara men‘dispose’, dengan izin sampah-sampah. Mungkin satu kajian saya rasa perlu diadakan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kementerian sedang di dalam peringkat mengkaji apakah sistem yang wajar digunakan dan mampu digunakan di dalam negara ini. Keputusan telah dibuat untuk menswastakan pengumpulan dan pelupusan pepejal di seluruh negara. Di sebelah utara telah diputuskan untuk Northern Waste, di sebelah selatan Southern Waste, di Sabah dan Sarawak ialah Eastern Waste, manakala di bahagian tengah ialah Alam Flora. Syarikat-syarikat ini sedang mengemukakan cadangan-cadangan, apakah sistem yang ekonomik untuk digunakan di seluruh Malaysia. Setakat ini cadangan-cadangan sedang di peringkat kajian.

PLUS/TEN/TELEKOM/KTMB/MAS - PROJEK PENSWASTAAN

11. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perjanjian yang melibatkan syarikat-syarikat konsesi projek penswastaan seperti PLUS, TEN, TELEKOM, KTMB, MAS dan sebagainya lebih memihak kepada kepentingan syarikat tersebut atau orang ramai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi prinsip kerajaan supaya perjanjian penswastan memberi keadilan kepada semua pihak iaitu pengguna, pihak yang mengambilalih perkhidmatan serta kerajaan. Berasaskan prinsip ini, perjanjian penswastan perkhidmatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut telah mengambilkira kepentingan semua pihak.

Bagi pihak pengguna kerajaan akan memastikan bahawa kadar caj yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak membeban mereka. Pada masa yang sama industri yang diswastakan dapat berkembang dengan baik supaya dapat menyumbangkan ke arah pembangunan negara yang lebih mantap dan kerajaan pula tidak perlu lagi memperuntukkan sumber kewangan kepada industri berkenaan. Tugas untuk memberi keadilan kepada semua pihak bukanlah perkara yang mudah dan oleh itu, biasanya perundingan mengenai perkara ini memakan masa yang panjang sebelum persetujuan dapat dicapai dan perjanjian penswastan dapat ditandatangani bukannya oleh pembayar cukai yang lain.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa mutu perkhidmatan yang disediakan bertambah buruk. Perkara ini adalah tidak benar memandangkan sejak diswastakan industri seperti perkhidmatan bekalan elektrik dan telekomunikasi telah berkembang dengan pesatnya dan telah dapat menawarkan pelbagai perkhidmatan baru yang bermutu tinggi.

Saya percaya sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan kekal disediakan oleh kerajaan, orang ramai tidak akan menikmati kemudahan seperti yang ditawarkan sekarang memandangkan keupayaan kewangan kerajaan yang terhad dan perlu disalurkan kepada perkhidmatan yang lebih penting seperti

pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Di samping itu, kerajaan telah menubuhkan beberapa badan kawal selia yang bertanggungjawab mengawalselia perjalanan industri yang bersifat monopoli seperti perkhidmatan bekalan elektrik, perkhidmatan telekomunikasi, bekalan air dan pelupusan sisa pepejal. Badan kawal selia tersebut akan mengawalselia industri berkenaan termasuklah mengenai mutu perkhidmatan, kadar caj dan penyediaan perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna.

Kerajaan sedang mengambil tindakan bagi memperkukuhkan badan kawal selia sedia ada dan untuk tujuan ini satu kajian sedang dilaksanakan bagi menentukan kawal selia yang paling berkesan bagi membolehkan badan tersebut menangani isu-isu kawal selia dengan cekap dan memuaskan hati semua pihak. Mengenai kadar caj pula, bagi memelihara kepentingan pengguna, sebarang kenaikan kadar caj perlu mendapat kelulusan kerajaan sebelum ianya boleh dikuatkuasakan.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu baru-baru ini Timbalan Menteri yang ada di hadapan sana telah mengkritik secara constructive, dengan izin, kepada perkhidmatan MAS. Tetapi Sistem Penerbangan Malaysia yang diberi kepada MAS ini, ia tidak menghargai jasa kerajaan, bahkan hendak mengambil tindakan mahkamah terhadap Timbalan Menteri yang memberi komen atau kritik yang konstruktif ini. Apakah pandangan pihak kerajaan terhadap langkah-langkah yang diambil oleh MAS ini, yang dikatakan ‘tidak cukup ajar’? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya memang memahami dan bersimpati dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dan saya kira kritikan yang telah dibuat oleh rakan sebelah saya, kebetulan beliau ada di sini adalah secara objektif dan membina.

Sepertimana kita semua sedia maklum iaitu bahawa perkara ini telah pun ditegur oleh pihak kerajaan dan sebenarnya perkara ini telah pun selesai secara baik dan saman telah ditarik balik. *[Ketawa]*

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedar bahawa kerajaan berhasrat untuk kalau boleh ‘win-win situation’ dengan izin, iaitu kepentingan syarikat dan kepentingan orang ramai. Saya difahamkan dan saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada benar bahawa kakitangan PLUS menerima bonus 13 bulan gaji?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab saya pun kurang pasti sama ada apa yang didakwa itu adalah benar ataupun tidak. Walau bagaimanapun, saya kira iaitu oleh kerana PLUS merupakan sebuah syarikat swasta, maka dia berhak untuk memberikan apa juga bentuk bonus yang difikir perlu untuk kakitangannya. Jadi, itu luar daripada bidang kita, cuma yang kita boleh pastikan iaitu bahawa mereka mestilah memberikan mutu perkhidmatan yang baik kepada pengguna kerana ia merupakan satu syarikat yang mengendalikan infrastruktur perkhidmatan yang ada kena-mengena dengan masyarakat dan soal kenaikan caj ini saya ingin memaklumkan iaitu paling terakhir sekali ialah masih lagi dalam perundingan di antara PLUS dengan kerajaan. Saya percaya bahawa apa-apa jua kadar

sama ada dikekal atau dinaikkan, ianya tidak akan menjejaskan pengguna dengan begitu teruk.

TADIKA KEMAS - CADANGAN MEMBAIK PULIH BANGUNAN SEKOLAH

12. Tuan Janggu Anak Banyang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah cadangan kementerian ini untuk memperuntukkan kepada Tadika Kemas untuk membaik pulih bangunan sekolah tadika yang telah usang seperti di daerah Julau, Sarawak:

- (a) apakah pihak Kemas di Julau, Sarawak ada membuat kertas kerja mengenai penubuhan sekolah Tadika Kemas yang baru; dan
- (b) apakah prosedur untuk menubuhkan sebuah Tadika Kemas yang baru di setiap daerah dan adakah buku teks untuk murid Tadika Kemas di seluruh negara mencukupi setiap tahun dan adakah peruntukkan bagi murid di pedalaman mencukupi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Masyarakat Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memperuntukkan RM2.83 juta bagi program baikpulihan bangunan Tabika yang daif tahun 1997. Peruntukan yang diberi kepada Sarawak adalah RM317,400.00 bagi program tersebut. Sebanyak 13 buah bangunan Tabika di Sarawak mendapat manfaat dari program tersebut di mana 2 darinya adalah di kawasan daerah Julau. Bagi tahun 1998, KEMAS merancang untuk membina sebuah Tabika di daerah Julau.

Prosedur untuk menubuhkan Tabika adalah, apabila terdapat bilangan kanak-kanak berumur 5 sehingga 6 tahun mencukupi satu kelas iaitu di antara

25 - 35 orang. Masyarakat di kampung tersebut boleh memohon untuk menubuh kelas Tabika ke Pejabat KEMAS daerah bagi dipertimbangkan.

KEMAS membekal buku-buku ke seluruh Tabika bagi tujuan rujukan dan bacaan kanak-kanak manakala buku-buku kerja wajib untuk kemahiran menulis, membaca Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris dan Jawi adalah ditanggung oleh ibu bapa. Dari masa ke semasa KEMAS memberi senarai cadangan buku tambahan yang sesuai di Tabika untuk ditingkatkan koleksinya oleh guru, ibu bapa dan Ahli Jawatankuasa Tabika.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 39 akan dijilid dalam buku berasingan].

USUL

Sokongan Terhadap Kepimpinan YAB

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah,

Usul dibuat oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan masalah dicadangkan:-

Bahawa memandangkan kepimpinan Perdana Menteri kita, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pun dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti ahli-ahli kongres di Amerika Syarikat dan

juga oleh media-media asing maka dengan itu kita menyeru semua ahli-ahli Dewan Negara khasnya dan juga seluruh lapisan masyarakat untuk berdiri teguh menyokong kepimpinan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan juga menyokong penuh di atas segala tindakan yang dilakukan bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan juga negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan martabat sebagai sebuah negara merdeka. *[8 Disember 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali sila sambung, ya.

3.50 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mengenai dengan sokongan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang sebab ramai rakan akan bercakap ataupun ingin bercakap mengenai dengan usul ini. Cuma saya ingin menarik perhatian dua-tiga perkara berhubung dengan usul yang dibawa oleh sahabat saya ini.

Pertama, kenapa usul ini dibawa dan kenapa perlunya usul ini diluluskan? Tuan Yang di-Pertua, urutan peristiwa menyebabkan perlunya usul ini adalah

lanjutan daripada usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri di Dewan Rakyat sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini perlu sebagai menjawab satu cadangan usul yang telah dikemukakan oleh 34 orang ahli kongres Amerika Syarikat yang diketuai oleh Robert Wexler, di mana mereka mendesak supaya Perdana Menteri kita memohon maaf di atas suatu kenyataan yang kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita ini adalah anti Yahudi dan jika Perdana Menteri kita enggan menarik balik atau memohon maaf, Perdana Menteri kita mestilah meletak jawatan. Ianya berpunca daripada apa yang dikatakan Perdana Menteri ini dituduh sebagai anti Yahudi.

Tuan Yang di-Pertua, isu apa yang dikatakan Perdana Menteri kita ini anti Yahudi berpunca daripada suatu kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri sewaktu berucap di satu perhimpunan di Terengganu. Sememangnya kita semua mengetahui bahawa apa yang telah diperkatakan oleh Perdana Menteri tidaklah sebagaimana yang telah dilaporkan oleh pihak-pihak akhbar secara tepat.

Perdana Menteri telah menyatakan di perhimpunan tersebut antara lain, ‘serangan ke atas Ringgit kita dilakukan oleh spekulator yang bernama George Soros yang secara kebetulan George Soros ini adalah orang Yahudi’. Perdana Menteri tidak mengatakan bahawa beliau adalah anti Yahudi. Tetapi apa yang berlaku, akhbar-akhbar termasuk luar negeri menyiarkan berita yang seolah-olahnya mengatakan Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad iaitu Perdana

Menteri kita membuat kenyataan di mana ada satu pakatan pihak-pihak Yahudi untuk memusnahkan negara kita.

Bertolak daripada perkara inilah maka menimbulkan reaksi yang marah di kalangan 34 ahli kongres yang diketuai oleh Robert Wexler. Persoalannya dan kita menyesali pada masa yang sama, sebab Robert Wexler dan 34 ahli kongres tidak meneliti dengan secara berhemat dan bertanggungjawab apakah benar dakwaan media-media ini yang mengatakan Perdana Menteri membuat kenyataan anti Yahudi dan menuduh pihak Yahudi merancang menyerang ekonomi negara kita.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menyebut di sini, soal media asing memang di luar kawalan kita. Sudah barang tentu kita tidak berupaya untuk mengawal media asing, apatah lagi dengan era globalisasi sekarang ini, dengan perkembangan IT memang sukar untuk mana-mana pihak mengawal berita-berita yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan - macam-macam dalam Internet sekarang ini. Tetapi yang pentingnya saya suka menyarankan supaya akhbar-akhbar negara kita yang mempunyai pengaruh supaya seboleh-bolehnya berhati-hatilah apabila membuat kenyataan yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebab kenyataan Perdana Menteri dan kenyataan Timbalan Perdana Menteri boleh membawa berbagai reaksi.

Saya tidak mengatakan bahawa wartawan-wartawan tempatan kita tidak berpengalaman. Tetapi saya berharap supaya ianya lebih berhati-hati agar

tidak timbul kekeliruan, sebagai contoh selepas berita ini tersiar Perdana Menteri terpaksa membuat pembedahan dan sudah banyak kali saya lihat Pejabat Perdana Menteri membuat berbagai-bagai pembedahan hasil daripada kenyataan yang dipetik apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri - banyak kali, bukan sekali.

Jadi, sebab itulah saya berharap supaya pihak Ketua Pengarang, subeditor dan wartawan-wartawan lebih cermat. Saya mengulangi, saya tidak mengatakan mereka tidak ada tanggungjawab. Saya tidak mengatakan mereka tidak berpengalaman, tetapi lebih conscious, apatah lagi kalau kenyataan-kenyataan penting yang boleh menimbulkan kesan dan reaksi berbagai-bagai pihak, mestilah lebih teliti, sebab Timbalan Perdana Menteri pun satu hari mereka mempunyai aturcara yang begitu banyak, Tuan Yang di-Pertua, seperti menghadiri mesyuarat, menerima tetamu, kemudian turun ke padang berucap di hadapan rakyat. Ada waktu di tengah panas, ada waktu hujan, ada waktu hampir matahari menjelang turun. Jadi, tentulah kita sebagai manusia apatah lagi Perdana Menteri yang bekerja keras ada kadangkala apabila beliau membuat ucapan, kadang-kadang ucapan beliau itu disalahtafsirkan. Maka timbullah reaksi-reaksi yang negatif.

Saya menyeru pihak-pihak akhbar supaya berhati-hati, sehingga kadang-kadang timbul kenyataan-kenyataan yang ada perbezaan di antara Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri. Sebenarnya ia tidak harus berlaku, tetapi kadang-kadang penafsiran yang dibuat oleh pihak-pihak akbar

menimbulkan berbagai perbezaan penafsiran di kalangan masyarakat yang membaca berita dan maklumat tersebut.

Saya tidak kisah soal akhbar asing. Akhbar asing kita tidak boleh kawal dan mereka pun mempunyai agenda sendiri. Samalah dengan 34 ahli kongres Amerika Syarikat yang kita anggap cukup tidak sopan, tidak bertanggungjawab dan kalau kita katakan Amerika ini mewakili tamadun dunia, ahli-ahli kongres dari Amerika Syarikat nyata mereka bukan dari golongan yang berada dalam tamadun dunia yang dikatakan dan tidak bertanggungjawab. Sebab sepatutnya Robert Wexler sebelum beliau melenting, membawa reaksi kemarahan, beliau boleh menyemak dengan Kedutaan Malaysia di Amerika Syarikat dengan Duta kita di Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun boleh berhubung terus dengan kerajaan untuk mendapat penjelasan. Tetapi malangnya sememangnya mereka ini mungkin ada agenda tersendiri hanya 'menangguk di air yang keruh' apabila ada kesempatan untuk menyerang Perdana Menteri kita oleh kerana kita tahu mereka tidak begitu senang hati di atas kelantangan suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di forum-forum antarabangsa dalam memperjuangkan isu keadilan dan kemanusiaan sejagat. Jadi, mereka membuat usul ini, walaupun belum lagi diluluskan oleh kongres, yang kita anggap suatu usul yang cuba hendak mencampuri urusan pentadbiran politik negara kita. Mereka lupa bahawa dunia sudah berubah, tindakan ini menunjukkan mereka tidak daripada golongan orang yang bertamadun, sebab mendesak seseorang Perdana Menteri untuk meletak jawatan luar daripada negara mereka - memang boleh dituduh sebagai bersifat campur tangan dalam urusan politik dan

pentadbiran negara kita. Ianya tidak patut sama sekali dibuat dan apabila mereka lakukan, mereka telah diberi publisiti yang luas. Apabila mereka diberi publisiti yang luas, oleh kerana dunia IT sekarang ini, sudah barang tentu kita tidak boleh berdiam diri.

Seorang penulis dalam akhbar *Utusan Malaysia* saudara Rustam Sani, ada membuat dalam tulisan rencananya, antara lain berkata '*apakah perlu Dewan Rakyat lebih kurang meluluskan Usul sokongan kepercayaan kepada Perdana Menteri*' malah beliau menegur, apakah perlu ada Pertubuhan-pertubuhan NGO, mana-mana kumpulan rakyat mengadakan perhimpunan, tunjuk perasaan ataupun membantah tindakan ahli kongres dan menyatakan sokongan Perdana Menteri.

Saya sekali-kali tidak bersetuju dengan sebahagian pandangan daripada Rustam Sani ini, oleh kerana saya berpendapat usul ini perlu dan rakyat perlu menyatakan sokongan, sebab apabila 34 ahli kongres ini membuat usul dan dihebahkan di seluruh dunia, masakan kita hendak berdiam diri? Sekurang-kurangnya kita mesti membantah tentang niat campur tangan mereka dalam urusan negara lain.

Kita sudah merdeka, kita berdaulat, hatta sebesar mana sekali pun kerajaan Amerika Syarikat dia tidak boleh dan tidak ada hak mencampuri urusan negara kita. Ini adalah soal prinsip, soal maruah, soal kedaulatan negara. Jadi, Dewan Negara membuat usul sebelum ini Dewan Rakyat hanya sebagai untuk menyatakan sikap kita untuk menolak dengan keras, malah pada saya kita mengecam 34 ahli kongres ini - 34 ahli kongres ini bukan sahaja

perlu menarik balik usul mereka, tetapi mereka juga kena minta maaf kepada rakyat Malaysia. Mereka mesti minta maaf kepada rakyat Malaysia dan mereka tidak wajar diberi penghormatan sebagai ahli kongres, sebab kita tidak pernah membawa usul apatah lagi isu-isu banyak yang berkait dengan Amerika Syarikat, di mana Amerika Syarikat banyak terlibat dalam hal ehwal dunia, tetapi kita tidak pernah mendesak supaya mereka meletak jawatan secara rasmi melalui Dewan Rakyat ataupun Senate, kecuali suara rakyat di tepi-tepi jalan, samalah apa yang berlaku di Amerika Syarikat, tetapi perbuatan mereka cukup tidak bertanggungjawab. Jadi, kita mesti menjawab.

Sebab itu saya mengalu-alukan semua pihak dan kita memberi ucapan syabas, tahniah kepada semua Pertubuhan NGO, Pertubuhan Parti Politik yang sudah mengadakan perhimpunan bagi menyatakan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bermula dari Kerajaan Terengganu kemudian, negeri Perlis baru-baru ini sudah pun mengadakan perhimpunan. Ada di peringkat kawasan-kawasan dan bagi pertubuhan-pertubuhan lain banyak, malah parti ITF telah mengadakan perhimpunan dengan membawa sokongan daripada berbagai pertubuhan dan sudah menyerahkan memorandum tersebut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kepada golongan ini, saya anggap mereka adalah orang-orang patriotik yang mempunyai semangat kebangsaan, yang cintakan bangsa, negara dan tidak mahu negara mereka dicabar, diperdolak-dalik oleh mana-mana pihak. Maka sebab itu kita menyokong usul ini. Bukanlah kita bertindak kebudak-budakkan.

Ada pihak yang mengatakan apabila kita luluskan usul ini, membuat perhimpunan menyokong Perdana Menteri, mereka mengatakan apakah dengan perbuatan itu menunjukkan seolah-olah Perdana Menteri tidak ada sokongan? Tidak ada siapa yang boleh mengusik kedudukan Perdana Menteri - memang benar, tetapi soalnya, politik tidak statik, politik berkembang, ia bertindak, bergerak mengikut masa dan apabila timbulnya isu seperti ini, maka kita mesti tangani dengan baik.

Kita mesti menunjukkan bahawa rakyat Malaysia di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kita berdiam diri dan kita tidak bertindak demikian, nanti ada pihak lagi yang cuba mencabar kedaulatan negara kita. Ada pihak-pihak lain pula kemudian ini. Maka sebab itulah, kalau ada mana-mana pihak mengatakan usul ini tidak perlu, saya menolak dengan sekeras-kerasnya. Usul ini bukan sahaja amat perlu, tetapi begitu penting sebagai mesej kita kepada Amerika Syarikat terutamanya kepada kongres Amerika Syarikat, kepada ahli-ahli kongres termasuk beberapa ahli Senate mereka.

Saya juga membaca kenyataan ada juga ahli Senate yang juga hendak membawa usul yang sama untuk mendesak Perdana Menteri meletak jawatan. Sebenarnya mereka ada agenda. Mereka ada agendanya tersendiri, kerana mereka melihat bagaimana lantangnyanya suara Perdana Menteri kita. Isu-isu yang dibawa oleh Perdana Menteri di forum-forum antarabangsa sudah mula mendapat sokongan yang luar biasa, bermacam-macam pertubuhan.

Kita tahu sekarang ini Perdana Menteri kita berada di Taهران menghadiri Sidang OIC, baru sahaja seminggu pulang daripada APEC. Ada orang mengatakan kenapa suka dan kerap sangat Perdana Menteri keluar negeri? Saya tahu di mana Perdana Menteri kita didesak sungguh-sungguh oleh beberapa ketua-ketua kerajaan negeri Islam termasuk Presiden Egypt - Mesir iaitu Hosni Mubarak, Presiden Iran malah Kerajaan Saudi Arabia serta pemimpin-pemimpin negara Islam bukan main beria-ia meminta supaya Perdana Menteri kita hadir juga di Sidang OIC. Memang dalam keadaan keletihan Perdana Menteri kita terpaksa menghadiri sidang tersebut sebagai salah satu tanggungjawab perjuangan untuk menegak keadilan sejagat. Walaupun sudah pulang daripada Kanada menghadiri sidang APEC, sebelum itu di Edinburgh menghadiri Sidang Komanwel, lawatan ke Latin Amerika dan menghabiskan masa dengan G-15, dengan mesyuarat ASEAN dan sekarang pula terpaksa menghadiri the last forum saya kira dalam tahun ini, iaitu Sidang Ketua-ketua Kerajaan Negara Islam. Jadi, ini merupakan tanggungjawab, sebab mereka mahu mendengar.

Semalam pun kita dengar kenyataan daripada Menteri Luar Negeri, bahawa usul yang dibawa oleh Kerajaan Malaysia untuk memasukkan salah satu kenyataan rasmi Menteri-menteri Luar OIC supaya dimasukkan apa yang dikatakan menggesa satu peraturan diwujudkan, to regulate apa yang dikatakan pertukaran mata wang asing ini sebagai salah satu keputusan yang dibuat oleh negara-negara OIC. Jadi, sesudah kita lihat apabila Perdana Menteri kita menghadiri berbagai-bagai forum nyata sekali sekarang ini sudah mendapat

sambutan. Kalau Perdana Menteri tidak hadir di sidang-sidang ini, sudah barang tentu ada setengah-tengah negara tidak akan memahami bagaimana buruknya serangan spekulator ini yang boleh menyebabkan sesebuah negara menjadi lumpuh. Jadi, sebab itulah saya berpendapat usul ini perlu kita sokong dan amat diperlukan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya mengucapkan syabas kepada Dewan Rakyat yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang membawa usul ini. Sementelahan pula dalam keadaan ekonomi menghadapi krisis sekarang ini. Ekonomi kita menghadapi krisis kerana serangan spekulator terhadap mata wang kita yang sememanglah inilah yang menyebabkan Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad membuat kenyataan mengenai dengan George Soros yang akhirnya berkait dengan apa yang dikatakan anti Yahudi. Sememangnya saya hendak tegaskan juga di sini, Tuan Yang di-Pertua apabila isu ini berlaku, media-media asing mengambil kesempatan hendak melagakan pucuk pimpinan negara kita di antara Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri, macam-macam ditulis dalam akhbar, terutamanya akhbar-akhbar asing, sehingga ada yang mengatakan Perdana Menteri perlu meletak jawatan kalau Ringgit hendak naik, kalau saham hendak naik. Ini ramai di kalangan pihak-pihak tertentu, malah sampai sekarang pun ada lagi mereka yang tidak bertanggungjawab, bercakap secara yang sinis.

Dahulu waktu ekonomi naik, saham naik, Ringgit kita kukuh, pembangunan hebat, lapan tahun yang lalu, semua berkata, semua bercakap

Dr. Mahathir adalah pemimpin. Bila ekonomi kita diserang, duit kita jatuh, saham kita jatuh, ada yang mengatakan Perdana Menteri adalah pemusnah ekonomi. Ini ada golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab dan mereka sudah termasuk perangkap pihak-pihak yang mempunyai agenda daripada luar, terutama media-media asing. Kenapa saya mengatakan mereka memasuki perangkap? Sebab pada masa yang sama, mereka tahu bahawa kejatuhan nilai Ringgit dan ekonomi negara kita menghadapi masalah bukan kerana perbuatan dan dasar negara kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Thailand jatuh semua orang tahu, Indonesia jatuh, Philippine jatuh, Korea kena - semua kena, takkanlah kerana Dr. Mahathir. Takkanlah Thai-Baht jatuh kerana Dr. Mahathir. Cuma tinggal lagi kenapa Dr. Mahathir mendapat perhatian, sebab apabila Ringgit atau currency diserang di Asia ini, ekonomi menjadi lumpuh, satu-satunya pemimpin yang paling lantang mendedahkan siapa punya angkara, siapa punya perancangan ialah Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri negara kita yang berani bercakap secara terbuka tanpa merasa gentar yang akhirnya mendapat sokongan. Sebab itu mereka ini marah, media asing marah, akhbar marah dan ahli kongres Amerika Syarikat yang kita tahu latar belakang mereka ini pun marah kalau kita sebut mereka ini keturunan Yahudi. Mereka mengatakan kita anti Yahudi, mereka akan membuat kenyataan begitu dan membuat bermacam-macam perkara yang tidak benar. Jadi, ada juga mereka yang cuba hendak meletakkan kesalahan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Ada waktu Dr. Mahathir tidak bercakap - Ringgit kita jatuh juga. Ada secara kebetulan.

Waktu Ringgit kena serang, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bercakap di Sidang PECC di Chile, waktu itu dia bercakap, jatuh 20 sen-30 sen, hanya secara kebetulan Ringgit diserang, ada sidang-sidang antarabangsa. Dr. Mahathir bercakap dan selepas bercakap kononnya Ringgit jatuh, tetapi negeri lain juga jatuh. Maka mereka menyalahkan di antara satu sama lain.

Saya cukup kesal mereka mengambil kesempatan sehingga timbul masalah di mana ada pihak mengatakan ini ada pihak yang termakan dengan perangkap yang dibuat oleh pihak media asing untuk melaga-lagakan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri kita.

Saya suka menyatakan dan kita semua menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat banyak kali kenyataan bahawa apabila masanya sampai, beliau mengatakan bahawa pengganti beliau adalah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, logiknya begitulah sebab Dato' Seri Anwar bin Ibrahim adalah Timbalan Perdana Menteri sekarang ini dan Timbalan Presiden parti. Tidak timbul lagi soal perselisihan faham dan kita lihat mereka berdua ini begitu intim sekali, tetapi ada pihak-pihak yang cuba menyebarkan bermacam-macam isu, seperti yang saya sebutkan tadi memberi gambaran, seolah-olahnya kalau ekonomi hendak pulih Perdana Menteri kita kena meletakkan jawatan. Semua ini adalah tanggungjawab bersama, collective decision dan itulah yang kita ketahui selama ini, tidak timbullah perkara-perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendedahkan di Dewan yang mulia ini, ada pihak-pihak tertentu yang membesar-besarkan cerita ini di dalam

negara kita, iaitu isu yang saya nyata tadi Perdana Menteri mestilah letak jawatan barulah ekonomi pulih, Ringgit pulih. Orang-orang ini sebenarnya mencari kesempatan - kesempatan di mana pada pandangan mereka melihat Perdana Menteri kita ini sudah berumur 73 tahun. Negara kita diserang dari segi ekonomi, bertalu-talu dan mereka berpendapat apakah pucuk pimpinan negara kita dapat menangani isu yang kita hadapi sekarang ini dan mereka melihat Timbalan Perdana Menteri kita segak dan kuat.

Memang sebagaimana kata Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri kita akan mengambil alih sebagai Perdana Menteri, apabila sampai waktu. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa orang-orang ini adalah yang jenis ‘tumpang semangkuk’. ‘Tumpang semangkuk’ dan dia berharap, apabila dia membuat kenyataan seumpama ini di coffee house di belakang, walaupun di hadapan kata ‘sokong’ supaya sampai ke telinga Timbalan Perdana Menteri, ha! Dialah penyokong kuat Timbalan Perdana Menteri, seolah-olah orang lain tidak sokong Timbalan Perdana Menteri.

Saya hendak minta Timbalan Perdana Menteri berwaspada dengan orang-orang seperti ini. Ini adalah penyokong-penyokong yang boleh ‘membawa rebah’. Kita mengingatkan mereka ini dan alhamdulillah Timbalan Perdana Menteri kita, yang kita kenal tidak mudah untuk dipergunakan oleh mana-mana pihak. Maka sebab itu kita lihat, walaupun macam-macam usaha dibuat sebelum ini untuk memisahkan di antara kepimpinan negara kita, nyata sekali hubungan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri tidak dapat dipisahkan sama sekali. Yang cuba hendak tumpang semangkuk ini

ialah orang luar, orang-orang ini mungkin orang berniaga, bila bercakap sehingga sampai orang-orang tertentu dengar - ha! Inilah orang kuat. Orang ini, orang Perdana Menteri. Yang rosaknya siapa? Yang rosaknya ialah pemimpin-pemimpin kita dan inilah yang terjadi kalau kita tidak kawal. Maka sebab itu saya cukup bangga dan mengucapkan syabas kepada Timbalan Perdana Menteri yang membawa usul ini sendiri di Dewan Rakyat. Malah Majlis Tertinggi UMNO sendiri membuat keputusan juga diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi, kepada golongan-golongan tertentu ini cukuplah kerja-kerja hendak cari makan seumpama ini. Cari makan dengan hendak menunjukkan merekalah penyokong-penyokong kuat, mereka sebenarnya tidak ada bahagian pun setengah-setengahnya itu dalam menentukan kepimpinan negara, tetapi mereka membawa cerita-cerita ini. Apabila cerita-cerita ini sampai, orang sudah salah faham, jadi ini boleh menimbulkan bermacam-macam masalah.

Dalam Majlis Tertinggi cuba kita tengok, dalam Kabinet Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri semuanya intim - padu, sepadu-padunya saya lihat dan alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah S.W.T agenda golongan-golongan tertentu tidak berjaya. Sebab itu saya memberi sokongan penuh kepada usul ini bukan sahaja kita hendak memberi mesej kepada 34 ahli kongres Amerika Syarikat, itu yang pertama.

Yang kedua, kita hendak memberitahu kepada pihak di luar Dewan Negara ini, kepada golongan-golongan oportunist. Saya mengatakan demikian, sebab saya sendiri pernah sebagai orang politik dahulu, Tuan Yang di-Pertua,

dalam UMNO sendirilah waktu ada pertandingan-pertandingan kita menentukan sikap menyokong orang-orang tertentu sehingga UMNO menjadi pecah pada waktu itu. Malah saya juga turut diserang, tetapi pada hari ini kita hendak mendokong kepimpinan secara padu, orang-orang yang pernah menyatakan ‘tidak perlunya berlaku peristiwa 87’ hari ini ada setengah-setengahnya bercakap secara negatif. Cuba hendak memisahkan di antara Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri.

Saya terpaksa bercakap dengan cara berani dalam Dewan yang mulia ini sekurang-kurangnya saya ingin menyatakan fakta ‘the fact of politic’ yang sedang berlaku sekarang ini, tetapi alhamdulillah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita tidak ada masalah.

Cuma saya hendak mengingatkan mereka yang di luar ini tidak payahlah mencari makan dengan cara ini, kita tidak mahu ada manusia yang jumpa Perdana Menteri cuba menimbulkan cerita-cerita mengenai dengan Timbalan Perdana Menteri. Ada manusia yang jumpa dengan Timbalan Perdana Menteri cerita macam-macam mengenai dengan Perdana Menteri. Kita tidak hendak manusia yang semacam ini. Manusia yang semacam ini kita hendak memberitahu rezeki adalah di ‘tangan’ Allah S.W.T. Rezeki di ‘tangan’ Allah S.W.T dan mereka mestilah bertanggungjawab dan memberi sokongan supaya negara kita ini kuat, pimpinan kita padu dan kita boleh menangani masalah yang kita hadapi sekarang dengan baik. Tengok sekarang ini, walaupun baru-baru ini orang pesimis, tidak mungkin keadaan ekonomi pulih, kebijaksanaan kepimpinan, seperti pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri

semalam sebagai Menteri Kewangan, kedudukan saham sedikit-sebanyak sudah mula pulih, kedudukan Ringgit kita sudah mula bertambah kukuh dan beransur-ansur, mungkin dalam masa beberapa bulan keadaan akan kembali seperti sediakala. Sebab itu orang-orang yang menangguk di air yang keruh kita harap tak usahlah mencari makan dengan cara ini.

Begitu juga saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak-pihak akhbar juga tolong memainkan peranan supaya berhati-hati apabila membuat kenyataan. Cerita macam Perdana Menteri anti Yahudi, saya dapati bukan sahaja akhbar di pihak luar, di pihak kita pun ada menyiarkan, selepas Perdana Menteri membuat clarification. Oleh sebab itulah, saya katakan tadi akhbar-akhbar mestilah berhati-hati. Kenyataan Perdana Menteri, kenyataan Timbalan Perdana Menteri please di 'extra conscious'. Kalau terpaksa rujuk balik - rujuk balik. Kalau yang umum-umum itu tidak apa, tetapi kalau benda-benda yang dianggap boleh memberi implikasi kepada negara, maknanya boleh rujuk balik. Perdana Menteri ada pegawai-pegawai akhbar, Timbalan Perdana Menteri ada pegawai-pegawai akhbar - boleh rujuk balik, boleh check balik maksudnya, sebab kadang-kadang kita bercakap lain, orang anggap lain - memang betul. Kalau masa tidak cukup atau dalam keadaan keletihan, kalau Perdana Menteri pun sudah letih sangat berucap di empat, lima tempat satu hari, selepas itu orang surat khabar datang bawa tape recorder, berkerumun tanya, kadang-kadang mereka tanya 'why you are so tired?' Kadang-kadang diharap orang faham, tetapi sudah disalahtafsir, jadi keluarlah dalam surat khabar dan kesannya kepada negara tidak sedikit. Inilah yang menjadi masalah

sebenarnya. Sebab itu kita kemukakan usul ini, yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, jadi kita menyokong penuh, sebab saya percaya dengan usul ini dia menjawab banyak persoalan. Dunia akan tahu, Dewan Rakyat/Dewan Negara is solid di belakang Perdana Menteri. Itu pertama yang saya katakan dan saya hendak rumus.

Perkara yang kedua, kalau ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa Perdana Menteri kita ini tidak mendapat sokongan, nyata sekali sokongan penuh diberi kepada Perdana Menteri, ya tak Dato' Haji Mohd. Zuki? Ini adalah sokongan penuh kepada Perdana Menteri. Kalau ada orang mengatakan ada perbezaan di antara

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta laluan sebab Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali terlalu panjang berucap, jadi saya hendak mencelah pun tidak dapat. Dengan ucapan yang panjang lebar, dengan sokongan yang kita beri bertalu-talu, bagaimana kita hendak memberitahu kepada kongres Amerika dan seluruh dunia bahawa kita telah membuat satu usul yang amat baik untuk kita hebohkan keseluruhan dunia, beri sedikit jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ini tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita lulus usul ini, macam-macam cara boleh dibuat, melalui prosedur kerajaan, Setiausaha Dewan Negara boleh menghantar usul ini kepada Duta Amerika. Kita boleh menghantar terus kepada Speaker Kongres, kita boleh hantar terus kepada Robert Wexler dan berita ini pun akan tersiar dan orang akan tahu bahawa itu adalah pendirian kita.

Sekarang ini saya katakan dunia Internet. Jadi, maknanya seluruh dunia akan tahu bahawa rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara kita dan mereka jangan cuba hendak campur tangan dalam urusan politik negara kita.

aya menyokong usul ini Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, dengan menyatakan di sini harapan saya melihat pada rekod, prestasi kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selama lebih 16 tahun dan melihat kepada kegigihan beliau, pengorbanan pucuk pimpinan negara kita, bukan sahaja kita sokong, tetapi kita berdoa semoga Allah S.W.T. panjangkan umur beliau, sihatkan badan beliau sebab saya ingin melihat pemimpin negara kita membawa negara kita masuk ke abad ke 21. We want our Prime Minister, dengan izin to take this country to the next millennium.

Pendirian saya jelas dan saya percaya beliau boleh melakukan demikian, kerana beliau mempunyai seorang pembantu yang cukup setia iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kalau kita semua berdiri teguh, saya percaya insya-Allah negara kita akan tetap menjadi negara yang berdaulat, negara yang tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

4.25 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul rakan saya Dato'

Abdul Aziz bin Abdul Rahman untuk menyokong penuh, dengan tidak berbelah bahagi di atas kepimpinan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan MCA dari seluruh Malaysia mengambil peluang ini menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selama 16 tahun ini telah berjaya membawa masyarakat Malaysia menuju kepada pemodenan dalam pelbagai bidang yang selama ini membawa kekayaan kepada seluruh Malaysia.

Pada 16 Julai 1981 bila Yang Amat Berhormat yang kita kasihi muncul menjadi Perdana Menteri, kita mendapat komen-komen yang mendakwa bahawa itu adalah waktu yang salah untuk Yang Amat Berhormat. Saya harap kita tidak akan lupa bahawa pada masa itu zaman meleset, di mana kualiti hidup menurun akibat pendapatan yang berkurangan.

Kita juga jangan lupa kebimbangan masalah yang akan menjejaskan kestabilan umum, ketika Malaysia menghadapi zaman kemelesetan ekonomi. Penurunan harga barang utama negara turut goncang oleh krisis mata wang. Hutang negara banyak sehingga menjadi isu besar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu menjadi target kritiknya, akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi tidak berundur daripada masalah yang timbul.

Saya ingin memberitahu saya adalah seorang budak dari Baling iaitu budak kampung berpindah ke Pulau Pinang, perpindahan serta keperluan cita-

citanya sangat tinggi, akan tetapi dari Baling, di Baling sekarang sangat dibanggai. Sekolah saya baru, jalan baru, ada kilang-kilang, ada perumahan baru. Kerajaan bersusah payah untuk meningkatkan kehidupan petani-petani, penjaja kecil, pekebun kecil hidup dengan senang dan hidup berbilang kaum dalam aman dan damai.

Saya merasa sangat sedih bila mengingat peristiwa Memali dan akar umbinya. Pasa masa sekarang ini, apa-apa yang timbul, kalau ada masalah dalam Asiakah, semua itu adalah masalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya merasa sedih mereka sudah lupa, keadaan kita semua jika dibandingkan 16 tahun dahulu dengan keadaan sekarang, kita patut bersyukur dan berbangga. Dahulu negara kita ini negara pertanian kalau kita lihat sejarah, bergantung kepada pertanian, tetapi ia telah maju dan menjadi 'naga' kecil di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, kepada ahli kongres di Amerika Syarikat dan juga media asing atau mana-mana kuasa asing, saya ulangi tidak ada hak untuk campur tangan dalam hal ehwal politik Malaysia, khasnya kepada ahli-ahli kongres Amerika Syarikat yang selalu bercakap mereka mempertahankan demokrasi.

Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka, berdaulat, mempunyai maruah, tiada siapa pun dari luar negara kita ada kuasa membuat keputusan untuk kita semua, hanya rakyat Malaysia sahaja yang ada hak untuk membuat keputusan untuk kita sendiri. Kita sudah membuat keputusan supaya menyokong penuh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin

Mohamad sebagai Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan saya rasa kecewa ada juga rakyat Malaysia mereka menggadaikan maruah kita untuk keuntungan sendiri. Saya rasa kumpulan ini supaya berhenti tindakan mereka dan merapatkan barisan demi kepentingan negara dan rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, dalam Internet dan media asing baru-baru ini ada membuat tuduhan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu lagu 'My Way' oleh Frank Sinatra yang berbunyi, dengan izin, '*now the end is near.*' Dan lagu Beatles 'Yesterday' yang berbunyi, dengan izin, "*Yesterday, all my Soros seem so far away. Now I know the mess is here to stay. Oh, I believe, in yesterday. Suddenly, I am not half the worth I used to be, there is a thick haze hanging over me. Oh, I believe in yesterday. Why did the Ringgit have to go, I don't know it wouldn't say. I said something wrong and they say I have to pay. Now I have to run and hide away. Oh, how long I lost for yesterday.*"

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selepas membaca ini beliau rasa kecewa bahawa pemimpin yang kita kasihi diserang begini. Selepas itu, saya dan rakan-rakan saya juga cipta satu lagu, iaitu 'Only You Yang Amat Berhormat', yang berbunyi begini, dengan izin, "*Only you, dare to make our world seem bright. Only you, can make most wrongness right. Only you, and you alone can lead us like you do, and fill our hearts with love for only you. And only you can make this change in us for is true, you're our destiny. When*

you hold our hand we understand the magic that you do you're a dream come through. And only you and only you Yang Amat Berhormat."

Dengan ini sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merayu memohon supaya semua rakyat Malaysia mengatur barisan, marilah kita dengan sebulat suara menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Itu sahaja, saya mohon menyokong.

4.35 ptg.

Dato' Chet Singh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak rakan saya, ahli Senate di sini saya bangun menyokong dengan sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Sesuai juga jika saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman atas daya usahanya mencadangkan usul ini dan ucapannya yang sangat fasih lidahnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting di sini ialah memelihara nama baik posisi dan institusi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan izin, to uphold the good name and protect the position of institution of Prime Minister.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah dilantik mengikut prinsip-prinsip demokrasi dan Perlembagaan Malaysia. Oleh kerana itu, kita mesti beritahu dengan terus-terang kepada 34 ahli Kongres Amerika Syarikat dan wartawan dunia janganlah cuba campur tangan dalam hal-ehwal negara

kita, khususnya posisi Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Malaysia sangat bernasib baik, kami ada seorang pemimpin seperti Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Beliau adalah pemimpin, dengan izin, visionary, pragmatic dan sangat berani. Sehingga sekarang beliau adalah, dengan izin, contributed positively, kejayaan pembangunan ekonomi, hal ehwal sosial rakyat dan politik di negara kita. Di antarabangsa Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad meninggikan imej negara Selatan-Selatan dan beri kepercayaan dan keyakinan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada perasaan rakyat boleh dikatakan rakyat melihat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dari rakyat, untuk rakyat dan oleh rakyat, dengan izin, Prime Minister of the people, for the people and by the people. Dengan kata-kata ini, saya dan rakan saya di Senate dan Parti Gerakan sekali lagi mengesahkan sokongan penuh terhadap usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar.

4.39 ptg.

Datuk Norjan binti Khan Bahadar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih, kerana telah diberi peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini bagi kali pertama, kerana bagi maksud membahaskan usul ucapan menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di samping itu, saya juga

ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan bangsa dan agama kira seharusnya menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Inilah masanya bagi kita untuk menunjukkan jati diri kita sebagai bangsa Malaysia dan menunjukkan kesetiaan kepada negara. Sejak beberapa dekad yang lalu rakyat Malaysia telah merasai pembangunan dan kemajuan hasil dari kewibawaan, kebijaksanaan serta usaha gigih yang ditunjukkan oleh pimpinan negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Taraf hidup rakyat sama ada masyarakat bandar mahupun di luar bandar semakin meningkat. Pembangunan negara yang meliputi segala aspek adalah hasil dari kesungguhan kerajaan dan juga sokongan rakyat. Realitinya kita sememangnya memerlukan barisan pemimpin yang bekerja keras, prinsip tanggungjawab bersama dan mementingkan kepentingan nasional berbanding dalam kepentingan peribadi. Kesungguhan kerajaan dalam membangunkan negara ini diperlihatkan dengan jelas melalui strategi pembangunan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa tahun yang lalu dalam kertas kerja 'Malaysia Melangkah ke Hadapan.'

Gagasan Wawasan 2020 ini akan dijadikan panduan untuk memastikan pembangunan yang hakiki menurut acuan kita sendiri tanpa berkiblatkan kemajuan negara-negara lain. Namun demikian, pembangunan mantap negara

tidak disenang oleh segelintir pihak tertentu di luar negara yang cemburu dengan perkembangan pesat negara khususnya dalam bidang ekonomi. Golongan tersebut yang mengganggu mereka sebagai kuasa terbesar dunia bimbang dengan kemantapan ekonomi negara dan khususnya kewibawaan kepimpinan yang bukan sahaja mendapat sanjungan masyarakat tempatan, malah masyarakat luar negara yang akhirnya telah menggelarkan pemimpin kita sebagai wira Negara Ketiga.

Kelantangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memperjuangkan keadilan sejagat mendapat sokongan masyarakat luar dan kesannya setengah-setengah pihak merasakan kedudukan mereka semakin tergugat. Ada yang mengaitkan dengan mitos Hang Jebat yang menderhaka dan menzalimi raja kerana mereka menganggap diri mereka sebagai raja dunia. Namun bagi kita sememangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewarisi semangat Hang Jebat yang memperjuangkan keadilan dan menolak kezaliman.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi harus diingat perjuangan Perdana Menteri adalah perjuangan menuntut keadilan yang hakiki tanpa melakukan sebarang kezaliman, apa gunanya terus tunduk kepada Barat sekiranya mereka menekankan dan menginginkan masyarakat kita terus kekal pada takuk yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya berbangga mempunyai seorang pemimpin yang tegas dan berani menentang ketidakadilan biarpun apa juga bentuk tekanan yang mereka kenakan terhadap kita. Yang penting kedaulatan

negara terus terpelihara. Zaman penjajahan telah berakhir berpuluh-puluh tahun yang lalu dan kita tidak harus memberi ruang kepada penjajah dengan bentuk yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama berjuang sebaris dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menentang sebarang ketidakadilan dan sanggup berkorban walaupun kesejahteraan hidup yang kita kecapai sedikit tergugat, kita menyokong penuh sebarang tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan martabat sebagai sebuah negara merdeka. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dengan sekeras-kerasnya menentang kepada kerajaan dan negara yang tidak adil. Sekian, terima kasih.

4.45 ptg.

Tuan M.G. Pandithan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Saya bagi pihak parti Indian Progressive Front Malaysia (IPF) yang mempunyai lebih setengah juta hak pemilihan dan penyokong masyarakat India terdiri daripada akar umbi (grass root) berikrar memberi sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi dan sanjung tinggi, seorang pemimpin yang boleh diibaratkan 'Bapa Wawasan, Bapa Malaysia Moden'. Walaupun IPF secara praktikal tidak berada dalam

gabungan Barisan Nasional kerana wujud sistem konsensus, ini tidak bermakna IPF kurang setia ataupun kurang bakti kepada Barisan Nasional dan pucuk pimpinan Barisan Nasional. Nadi dan jiwa kita berada dalam Barisan Nasional. Ahli-ahli dan penyokong-penyokong akar umbi ini berdiri di belakang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Saya mengambil peluang keemasan ini untuk melafazkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir kerana melantik Presiden IPF sebagai seorang Ahli Dewan Negara walaupun parti belum berada dalam Barisan Nasional tetapi Presidennya berada dalam Dewan Negara. Ini adalah satu sejarah dan saya menganggap ini satu persetujuan dan satu pengiktirafan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Soal IPF menyertai Barisan Nasional adalah satu ujian kepada iman kita dan satu cabaran untuk kesabaran kita. Kita akan bersabar sehingga satu hari nanti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir akan mengambil satu keputusan yang positif dan konklusif terhadap IPF. Tetapi IPF meneruskan perjuangannya bersama dengan Barisan Nasional dan membantu Kerajaan Barisan Nasional untuk mengatasi segala perjuangan dan cabaran demi kebaikan rakyat dan negara.

Negara kita pernah melihat tiga Perdana Menteri sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj - Perdana Menteri yang pertama, Allahyarham Tun Abdul Razak - Perdana Menteri kedua, dan Allahyarham Tun Hussein Onn - Perdana Menteri

ketiga. Walaupun semua telah mengorbankan banyak usaha, masa dan tenaga untuk membangunkan negara, tetapi era Dato' Seri Dr. Mahathir adalah the golden era of Dr. Mahathir. Beliau telah membawa banyak perubahan dalam segi politik, ekonomi, pendidikan dan sosial. Beliau telah mengubah corak ekonomi dari pertanian kepada perindustrian. Beliau telah mempelopori bahawa Wawasan 2020 untuk membawa negara kita ke tahap negara industri, mencapai saranan kita negara maju.

Pada satu ketika dahulu apabila kita melawat luar negeri kita ditanya dari mana kita datang. Bila kita jawab Malaysia, mereka langsung tidak tahu ataupun kenal Malaysia dan terus tanya di mana Malaysia, dalam Singapurakah. Itulah senario dahulu. Tetapi sekarang Malaysia dan Kuala Lumpur lebih dikenali, lebih popular daripada Singapura. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Dato' Seri Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang ikhlas dan jujur, aktif dan agresif, competence, consistent dan dinamik dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Dunia mengagumi beliau. Beliau digelar 'Harimau Asia', Wira Dunia Ketiga. Kepada orang Malaysia, Mahathirlah Malaysia dan Malaysialah Mahathir. Itulah sebabnya pihak Barat dan Soros iri hati dan dengki kepada beliau. Mereka berkomplot untuk menjatuhkan beliau supaya Malaysia yang boleh diibaratkan sebagai syurga bumi boleh dimusnahkan menjadi neraka. Agenda Soros dan Barat akan gagal kerana rakyat Malaysia dari semua lapisan, semua kaum berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan membantu beliau untuk menangani masalah kewangan ataupun

krisis kewangan. Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri berupaya untuk mengatasi cabaran ini dan beliau hanya perlu masa. Saya berdoa kepada Tuhan Yang Maha Besar dan Maha Kuasa memberi Dato' Seri Dr. Mahathir inspirational tonic ataupun tonik inspirasi agar beliau muncul lebih kuat, lebih kukuh daripada cabarannya.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, ITF dengan kerjasama badan-badan sukarela masyarakat India telah mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk berikrar memberi sokongan padu kepada Dato' Seri Dr. Mahathir. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah dijemput untuk merasmikan perhimpunan itu. Pada hari itu kita telah membakar patung Soros dan juga lebih 500 ahli Pemuda dan Wanita ITF telah pun mengadakan demonstrasi damai di Embassy Amerika Syarikat untuk membantah tindakan 34 US Congressman. Semua ini membuktikan masyarakat India tetap di belakang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dengan slogan 'Hidup Dr. Mahathir'. Saya turut menyokong penuh usul Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

4.48 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam pembentangan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman petang kelmarin. Sepertimana kita tahu bahawa ahli Kongres Amerika Syarikat

yang bilangannya 34 orang telah mencabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya meletakkan jawatan, di samping itu media asing juga turut serta mempersoalkan kewibawaan Perdana Menteri.

Sebagai rakyat dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, saya mengutuk dengan sekeras-kerasnya campur tangan negara asing dan hal-hal yang berhubung dengan hal ehwal negara kita. Langkah ahli-ahli Kongres itu adalah keterlaluan kerana mencampuri urusan negara kita yang berdaulat dan merdeka. Kami bagi pihak Parti Islam SeMalaysia (PAS) ingin menyatakan penentangan kami terhadap tindakan-tanduk ahli Kongres Amerika serta media massa yang agak melampau.

Dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad akan terus kekal sebagai Perdana Menteri adalah terletak kepada keputusannya sendiri dan juga kepada parti yang dipimpinnya. Keadaan ini selaras dengan amalan demokrasi yang dipraktik di dalam negara kita. Pihak kami tidak berminat untuk mencampuri soal dalaman parti yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang sedang menghadapi kegawatan ekonomi yang semakin tenat, sebagai ketua kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanggungjawab terhadap kejatuhan nilai mata wang dan kelembapan ekonomi. Projek-projek mega yang telah dibangunkan yang ada kemungkinan tidak memberi hasil keluaran yang baik kepada negara, sungguhpun kerajaan menangguhkan beberapa projek mega untuk sementara waktu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pula pelancaran

projek Jambatan Langkawi ke Thailand yang mana telah ditangguhkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tindakan ini merupakan suatu yang tidak ketentuan kerajaan. Perkara ini juga akan memberi isyarat yang negatif kepada pelabur-pelabur.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bangun untuk menyokong usul yang bersifat mencabar kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Kita dan semua orang memahami bahawa manusia bukanlah maksum, dengan izin, yang bererti tidak selari dan tidak terlepas daripada kesalahan dan kealpaan. Oleh itu, Rasulullah S.A.W. menyatakan sebagai peringatan kepada kita bahawa [*membaca sepotong Hadis*], ertinya, manusia itu tidak perfect, dengan izin, dan manusia itu tidak sunyi daripada melakukan salah dan silap. Dalam persoalan ini saya bersama dengan sahabat saya, wakil dari Parti Islam SeMalaysia menyatakan sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan meneruskan kepimpinan kerajaan hari ini terserahlah kepada hati kecilnya. Kalau beliau merasakan beliau masih mampu meneruskan kepimpinan maka teruskanlah.

Setakat itu sahajalah saya mengambil bahagian yang pendek untuk menyatakan hasrat kami. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Charern Intachat.

4.58 ptg.

Tuan Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya Ahli-ahli Dewan Negara ini dan seluruh

lapisan masyarakat berdiri teguh menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri kita. Saya datang dari Kubang Pasu, Kedah, iaitu kawasan Parlimen yang diwakili oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini di Kubang Pasu rakyat jelata daripada semua kaum dan lapisan masyarakat menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rasa kesal dan marah terhadap pihak dan media asing yang mengkritik dan mencabar Dato' Seri Dr. Mahathir kita.

Saya berpendapat rakyat di kawasan-kawasan lain di seluruh negara pun mempunyai perasaan yang sama seperti rakyat di Kubang Pasu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang berwibawa telah membuktikan keupayaan kepimpinannya selama 16 tahun dan ini sendirinya menafikan segala dakwaan pengkritiknya. Baru-baru ini pemimpin pembangkang, iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz pun menyatakan sokongannya kepada Dato' Seri Dr. Mahathir dan memuji Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang cerdik. Oleh itu, saya percaya dua orang Ahli Dewan Negara dari Parti PAS juga turut menyokong usul ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun, mengangguk dan keluar dari Dewan]*

Timbalan Yang di-Pertua: Minta laluan. *[Ketawa]*

Tuan Charern Intachat: Saya ada bawa surat khabar hendak tunjuk tentang kewibawaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin, tidak perlu saya sebutkan di sini, kerana telah pun dihuraikan dan banyak diperkatakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah berucap dalam memberi sokongan kepada usul ini.

Apa yang ingin saya menyatakan di sini ialah daripada beberapa artikel, dari majalah-majalah dan akhbar-akhbar asing yang dahulunya mengkritik dan memperkecilkan pandangan dan kenyataan Ahli Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, kini pula telah mulai memuji pandangan dan saranan pemimpin kita terhadap kegiatan spekulasi yang mencengkam mata wang kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kaum Siam di Malaysia yang diwakili oleh saya di Dewan ini kami tetap yakin dengan kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir. Kami telah melihat bagaimana di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir, rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini dapat mencapai keharmonian hidup dan menikmati kesejahteraan di dalam suasana aman dan damai. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mengambil berat dan prihatin kepada masalah semua kaum dan masyarakat sehingga kaum-kaum minoriti yang tidak dapat atau mengadakan wakil mereka di Parlimen diberi peluang juga untuk diwakili di Dewan Negara ini. Oleh itu, kaum Siam di negara ini berdiri teguh bersama-sama dengan rakyat dari kaum-kaum lain di belakang Perdana Menteri kita dalam menangani isu ekonomi yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini. Saya yakin Dato' Seri Dr. Mahathir akan berjaya dan akan terus memimpin dan menerajui kerajaan yang disokong oleh majoriti

rakyat negara ini. Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong usul ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri kepada orang baru, Yang Berhormat Haji Gapar bin Gurrohu.

5.02 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang ini, dan ini merupakan ucapan saya yang pertama dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya saya dalam seminggu, dua ini cukup belajar kepada Dewan ini dan barulah saya tahu bahawa dalam Dewan inilah merupakan tempat Ahli-ahli Yang Berhormat membela nasib rakyat. Hari ini kita bercakap tentang membela nasib pemimpin kita yang cuba dicabar oleh orang luar khususnya 34 orang anggota Kongres daripada Amerika.

Sebenarnya pada saya usul 34 orang anggota Kongres ini adalah usul yang mencabar kewibawaan kita rakyat Malaysia. Sebenarnya mereka tahu bahawa kita adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Mereka tahu bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir sebenarnya tidak anti Yahudi. Apa tidaknya kita pernah mengundang pasukan Kriket dari negara Yahudi untuk datang bermain di negara kita. Tetapi satu perkara yang mereka tidak tahu bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir bukan sekadar Perdana Menteri Malaysia. Dato' Seri Dr. Mahathir adalah pemimpin negara yang dikasihi oleh rakyat Malaysia.

Oleh itu, sudah kenalah tempat dan masanya pada hari ini di Dewan yang mulia ini lagi bersejarah kita dengar seorang demi seorang daripada beberapa komponen Barisan Nasional dan pertubuhan-pertubuhan NGOs

tampil dengan nada yang cukup tegas menyatakan sokongan kepada bapa pemimpin kita yang sangat kita kasihi. Kita tidak pernah lupa pemimpin-pemimpin kita yang lama. Dato' Hang Tuah pernah mengatakan bahawa 'Melayu tidak akan hilang di dunia.' Dato' Onn mengatakan 'hidup Melayu'. Tetapi hari ini, kita di dalam Dewan ini mengatakan 'hidup bangsa Malaysia bersama-sama dengan Dr. Mahathir.'

Ahli-ahli Yang Berhormat, tahun 1946 ketika Gagasan Malayan Union cuba diutarakan oleh British seluruh rakyat Malaysia yang rata-rata tidak berpelajaran tampil daripada Perlis sampai ke Johor Bahru dan bangkit menentang gagasan itu kerana dirasakan bahawa Malayan Union cuba mencabar kewibawaan Raja-raja Melayu. Hari ini kita dalam negara yang sudah merdeka, rakyat yang sudah pun berpelajaran, rakyat sudah pun berada di tengah-tengah kemewahan kita dicabar sedemikian rupa. Saya bersetuju dengan Datuk Ibrahim Ali bahawa ini bukan satu perkara yang boleh diperbudak-budakkan atau dipermain-mainkan. Oleh itu, justifikasi kita bercakap seorang demi seorang bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini, bahkan saya percaya di luar Dewan, seluruh rakyat sentiasa berada di belakang Perdana Menteri yang kita kasihi. Wawasan 2020 bukan untuk Dr. Mahathir, Wawasan 2020 bukan untuk kita sahaja. Bahkan Dr. Mahathir telah memikirkan bukan untuk kita, bahkan anak, cucu, cicit kita untuk berada di negara ini dengan aman, damai dan hidup bersatu padu.

Inilah satu gagasan yang saya rasa perlu kita hormati dan ianya dilahirkan bukan dari pemimpin kecil, bahkan adalah pemimpin besar. Nabi

Muhamad S.A.W. kasih dan cinta kepada umatnya di akhir hayatnya menyebutkan ‘umatku, umatku, umatku’ sebanyak tiga kali, begitu kasih dan sayangnya kepada umat-umatnya yang akan datang yang Baginda tahu umatnya akan diserang dari segala sudut oleh musuh-musuhnya. Hari ini Dr. Mahathir oleh kerana kelantangannya, oleh kerana rela memperjuangkan bukan sahaja nasib bangsa Malaysia, bahkan nasib bangsa-bangsa di dunia, sudah tentulah ada pihak-pihak yang tidak senang di atas tindakan dan suara lantang Dr. Mahathir di pentas dunia. Oleh itu, marilah kita menyeru bersama-sama Ahli-ahli Dewan dan semua rakyat Malaysia berdiri teguh di bawah pimpinan Dr. Mahathir, dan kita menyokong usul yang dibawa oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman untuk sama-sama kita berdiri padu, teguh dan menjaga kedaulatan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali.

5.08 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini selaku seorang anak Melayu yang dilahirkan di bumi yang bertuah ini dan dilahirkan di negeri Terengganu Darul Iman akan membuat suatu ikrar bahawa kami yang kerdil ini akan berdiri teguh dan menyokong kepimpinan dan kemampuan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia. Kita adalah rakyat sebuah negara yang mempunyai kedaulatannya, yang mempunyai maruahnya, demokrasilah yang menentukan kepimpinan kita, maka amat tidak wajar sekali Ahli Kongres

Amerika campur tangan dalam soal-soal kepimpinan, lebih-lebih lagi mendesak Perdana Menteri kita meletak jawatan. Suatu perbuatan yang amat tidak patut. Amat wajar dan sepatutnya anggota Kongres ini mendesak Presidennya supaya mempergunakan pengaruh dan kekuatan yang ada untuk mengadakan dan mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara Israel yang telah melakukan segala keganasan dan kezaliman kepada rakyat Palestin telah sekian lama.

Akan tetapi ianya telah menampakkan bahawa anggota Kongres Amerika dan pemimpin Amerika merupakan peminat kepada kezaliman. Kita sedar dan kita faham bahawa Amerika telah mencipta pasukan pemberontak di negara-negara tertentu sama ada untuk menumbangkan kepimpinan ataupun menghuruharakan negara-negara tersebut. Ini suatu perbuatan yang amat hina. Sebab itulah kita selaku rakyat di negara ini yang telah menikmati kesejahteraan, yang telah menikmati keamanan di negara kita ini di mana sahaja rezeki melimpah ruah. Sebab itulah rakyat Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina dan sebagainya menganggap bahawa negara kita inilah merupakan punca rezeki yang terbaik untuk mereka mencari rezeki.

Rakyat Terengganu telah menyuarakan sokongan pada 10 Oktober 1997, jam 4.00 petang melebihi 15,000 orang telah berkumpul di Lapangan Terbang Sultan Mahmood dan telah berikrar memberi sokongan dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir. Pada 11 Oktober, jam 9.00 pagi pula di Kampung Kijal, Kemaman, melebihi 30,000 telah berhimpun dan telah melafazkan ikrar ini. Ini menunjukkan bahawa rakyat Terengganu di bawah kepimpinan Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad telah memberi sokongan yang

padu. Seluruh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari Terengganu telah menandatangani memorandum sokongan dan telah dinyatakan dan telah diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Kita memberi ingatan kepada orang-orang luar jangan cuba untuk mengganggu-gugat negara kecil ini, walaupun kecil tetapi maruahnya amat tinggi dan amat mahal. Sebab itulah pada petang ini kita harapkan seluruh rakyat walaupun terdapat segelintir manusia yang bercakap dengan memperkatakan bahawa kejatuhan ekonomi ini disebabkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir, ini satu perkara yang amat malang. Kerana mereka ini dapat menikmati kekayaan dan kemewahan di bawah pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir. Akan tetapi apabila kepentingan orang-orang ini terjejas, orang-orang ini cepat-cepat bercakap dan memburuk-burukkan Dato' Seri Dr. Mahathir. Saya harap orang-orang ini disenaraihitamkan dan jangan diberi lagi apa-apa yang mereka mohon. Maruah kita jangan dipermain-mainkan.

Saya amat sedih bila Ahli Dewan Negara dari negeri Kelantan, selepas bercakap terus keluar Dewan. Dalam ucapannya ada menyebut bahawa kegawatan dan kelemesetan ekonomi pada hari ini terletak bulat-bulat dan disalahkan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir. Ini satu ucapan yang tidak mempunyai akal yang baik. Walaupun dalam ucapannya menghentam orang-orang asing yang campur tangan dalam negara kita, tetapi di samping itu beliau telah menyalahkan pucuk pimpinan kita di atas kegawatan ekonomi yang berlaku. Maka saya amat merasa dukacita di atas ucapannya itu. Dengan kata-

kata itu, saya menyokong penuh usul yang telah dibawa oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

5.16 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong sekuat-kuatnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman semalam dan saya ucap tahniah kepada beliau dan juga tahniah kepada semua rakan-rakan ahli Dewan yang telah pun bercakap dengan begitu baik, dengan hujah yang begitu banyak, begitu kuat. Cuma kita harap hujah-hujah ini akan dapat some how, dengan izin, sampai ke telinga ahli-ahli Kongres yang berkenaan supaya mereka sedar tentang perbuatan mereka itu.

Saya bangun di sini tertarik untuk mengambil bahagian dengan melihat pada tiga sudut yang agak berlainan dari apa yang telah banyak dibangkitkan oleh ahli-ahli yang terdahulu daripada saya. Pertama sekali saya tertarik dengan isu hubungan baik PM dan TPM banyak dihujahkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi. Saya rasa kita kena melihat perspektifnya apa yang berlaku usaha-usaha orang dalam negeri dan usaha-usaha orang luar negeri. Perspektifnya ialah tidak lain dan tidak bukan ialah iri hati kerana kita terlalu amat berjaya. Negara kecil macam kita begitu terlalu hebat buat begitu banyak, sampai berani membuat sesuatu yang orang lain tidak pernah buat.

Saya balik kepada Multimedia Super Corridor, minta maaf, ini konsisten, dunia tidak pernah buat, yang pertama kali buat orang Malaysia. Dan bila berani sekali buat, kita menjelajah ke negara dia dan menjual dan mempromosikan pula. Mana orang tidak rasa sakit hati. Tetapi kerana sakit hati inilah yang dia rasa, mesti jawab balik dengan sesuatu cara yang lain. Oleh kerana itu, saya menyeru supaya kita sedar perspektif ini yang berlaku di luar negara dan juga dalam negeri. Dalam negeri pun pada saya sama juga, nampak steady sangat antara nombor satu dengan nombor dua ini. Nombor satu pun kuat, hebat, teguh, buat semuanya baik. Nombor dua pun sokong nombor satu solid. Kalau ada perbezaan dibincangkan dari hari ke hari, selalu merujuk, berbincang dan apa sahaja hendak buat dia rujuk. Ini yang orang iri hati, ini yang orang-orang sengaja merancang, sebagai sebuah kilang juga, kilang untuk mengeluarkan fitnah dan cerita-cerita tidak baik.

Oleh kerana ada kilang keluar cerita-cerita tidak baik inilah kadang-kadang masyarakat umum terbawa-bawa. Oleh kerana itu, saya rasa usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan disokong baik oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang lain amat baik sekali, dan saya ingat kita kena jual perspektif ini kepada rakan-rakan dalam negara sama ada yang berada dalam kerajaan atau luar kerajaan, di bandar, di kampung semuanya kita mesti melihat perspektif ini. Kerana perspektif ini kalau dikaitkan dengan cara kita hidup berkampung, berkeluarga dan sebagainya memang ada. Oleh kerana itu, kalau dirasakan perspektif ini difahami benar-benar sekurang-kurangnya ia memberi satu kesedaran bahawa keadaan kita

tidaklah seburuk yang dibuat-buatkan oleh orang lain, tidaklah seburuk yang dibangkit-bangkitkan oleh orang tertentu sepertimana yang diulas dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali awal tadi. Itu satu.

Keduanya, saya hendak sentuh, banyak orang menyebut tentang Israel. Ada orang menyebut contoh pasukan Kriket yang kita beri kemasukan. Saya ingin menambah dan membuktikan bahawa memang kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak ada musuh dengan orang luar, dengan Amerika, dengan Eropah, khususnya dengan Israel. Saya hendak bawa cerita ini kerana saya tahu first hand. Cerita inilah berlaku bila kita hendak galakkan semua syarikat besar daripada seluruh dunia untuk datang melabur dalam Multimedia Super Corridor (Koridor Raya Multimedia) saya difahamkan oleh orang atasan dalam Multimedia Development Corporation (MDC).

Point yang saya hendak tekankan ialah oleh kerana kita menggalakkan orang lain masuk telah pun diputuskan oleh Yang Amat Berhormat sendiri kalau ada pun syarikat dari negara Israel yang lulus dan berkebolehan untuk mengambil bahagian datang membuat pelaburan dalam Koridor Raya Multimedia boleh diluluskan. Saya percaya sekarang ini saya diberi maklum ada beberapa syarikat telah pun membuat permohonan khusus kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membolehkan mereka datang melawat dan berbincang dengan syarikat-syarikat tempatan untuk membuat keputusan sama ada mereka boleh ambil bahagian atau tidak. Itu point saya yang kedua.

Yang ketiganya, saya amat tertarik dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki semasa Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali bercakap. Kata dia, "Okay, kita sudah banyak bawa point dan sebagainya. Macam mana kita hendak sampaikan kepada mereka." Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim sudah jawab. Saya rasa sudah baik jawapan itu. Saya ingin tambah dan ingin cadangkan, saya memang geram bila ada orang membakar semangat atau men'challenge'kan, mencabar maruah orang Melayu, orang Malaysia. Oleh kerana cabaran ini, saya ingin membuat satu cadangan khususnya ditujukan kepada Kelab Senator Malaysia sendiri, kerana Kelab Senator Malaysia sekarang ini ada ahli-ahli Majlisnya. Saya sebagai ahli baru, saya sokong kuat Kelab Senator Malaysia, dan saya rasa inilah forum terbaik kalau Kelab Senator Malaysia boleh membuat sesuatu berdasarkan usul yang insya-Allah, akan diluluskan dalam Dewan Negara.

Isunya ialah pada saya masalah pokoknya ialah kita boleh menganggap secara positif bahawa 34 makhluk dari Amerika ini masih jahil tentang Malaysia. Kita membuat andaian bahawa mereka tidak begitu faham sangat, tetapi kerana sentimen orang kulit putih marah sangat kepada orang bukan kulit putih, dia hentamnya begitu. Oleh kerana itu, saya menganggap secara positif ini adalah masalah komunikasi, masalah tidak faham, masalah kata pepatah Melayu 'sebab tak kenal maka tidak cinta, kalau sudah kenal kasih menjelma.' Oleh kerana itu, point-point yang baik ini kita hendak sampaikan kepada mereka cara mana. Saya ingin cadangkan supaya Kelab Senator Malaysia marilah kita secara positif menulis kepada yang berkenaan, kita jemput wakil

dia datang ke Malaysia, ini berani. Saya ingat kita jemput mereka datang ke Malaysia untuk adakan satu persidangan khas yang dianjurkan oleh Kelab Senator Malaysia, bawa 34 orangkah, 32 orangkah, 30 orangkah atau 10 orang...

Seorang Ahli: Wakil cukuplah.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Wakil cukup, wakil pun boleh, lima atau 10 hendak tunjuk kita berani, 34 pun boleh. Bawa wakil ke sini dan kita buat satu hari conference. Agendanya senang, pertama, ucapan Timbalan Perdana Menteri. Jangan Perdana Menteri tetapi Timbalan Perdana Menteri. Selepas itu kita buat presentation oleh wakil-wakil dari Kelab Senator Malaysia kumpul point yang baik ini dari semua aspek, buat multimedia presentation tentang Malaysia, kehebatan Perdana Menteri yang memerintah selama 16 tahun ini, bagi dia cukup-cukup. Selepas itu makan tengah hari. Selepas makan tengah hari adakan workshop kita bincang, apa macam. Mari kita tengok kalau sudah didedahkan dengan maklumat yang betul-betul dalam bilik yang tertutup, apa pula jawab hamba Allah - ahli-ahli Kongres ini. Saya rasa ini satu langkah positif yang menunjukkan kita berani berhadapan dengan 34 makhluk yang cuba mencabar maruah orang-orang Malaysia di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita membuat usul yang seperti ini kita boleh menilai kekuatan, keberanian dan keikhlasan mereka daripada response yang diberi. Mungkin responsenya berlainan sekurang-kurangnya daripada usaha kita ini mungkin kita boleh membuat satu keputusan yang boleh mengatakan bahawa sebenarnya mereka mempunyai agenda yang lain. Agenda

yang lain ini mungkin terselit daripada langkah yang telah mereka buat ini. Kalau mereka tidak faham kita minta mereka datang dan kita bercakap, kita hendak berdebat, open discussion. Kalau tidak mengapa tidak hendak datang bercakap.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebut, kerana macam saya katalah point-point yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang lain amat baik sekali. Cuma kita cuba hendak kumpulkan, merumuskan dengan padat dan baik hendak kita persembahkan ke dalam kepala 34 ahli Kongres ini dan cuba memasukkan maklumat-maklumat yang betul. Sebab maklumat yang disampaikan biasanya diselewengkan. Jadi, keputusan yang dibuat berdasarkan maklumat seleweng. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri kepada Yang Berhormat Tuan Jiuin dari Sabah.

5.28 ptg.

Tuan Jiuin bin Jimin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selepas kerap kali berdiri, berjaya juga saya untuk bercakap. Saya juga bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh rakan kita. Sebenarnya saya telah mendengar satu demi satu Senator Dewan yang mulia ini menyatakan sokongan dan faktor-faktor yang menguatkan lagi sokongan mereka itu. Maka tidak ada lagi banyak yang saya ingin tambah, tetapi saya ingin juga berdiri untuk menyokong.

Saya berdiri bercakap bagi pihak kaum Kadazan, Dusun, Murut dari Sabah, dan saya ingin merakamkan bagi pihak kumpulan ini menyokong dan

berdiri teguh di belakang pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Sebenarnya kalaulah kita boleh nampak perasaan Perdana Menteri kita ini, kita pun mungkin keluar air mata, kerana beliau yang telah bertungkus lumus selama 16 tahun untuk memajukan negara kita ini untuk faedah dan kebaikan seluruh negara ini, dan mendapat hasil dan juga banyak faedah yang dinikmati oleh rakyat, sekarang beliau melihat usaha-usaha itu runtuh begitu sahaja.

Sudah tentu di waktu siang hari dan juga di waktu malam hari beliau tidak boleh tidur, macam mana boleh jadi begini? Jadi, kalaulah di saat-saat ini setelah beliau bertungkus-lumus untuk memajukan negara ini untuk faedah rakyat seluruh negara kita tidak pula menyokong kepimpinan beliau, saya rasa kita adalah seorang rakyat yang tidak tahu mengenang budi, samalah seperti anak-anak yang dipelihara oleh ibu bapa yang begitu kasih dan yang begitu bekerja keras untuk menghidupkan anak-anak supaya dapat disekolahkan dan mendapat pelajaran dan seterusnya mendapat pekerjaan yang baik, melupakan ibu bapa yang begitu baik. Kami rakyat Sabah seperti yang saya katakan tadi memang menyokong penuh Usul kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memang banyak seperti yang sudah disentuh oleh rakan-rakan saya tadi dan saya tidak untuk menyentuhnya lagi tetapi satu kejadian yang mungkin rakyat Sabah sudah mula melihat hasilnya, kalau dahulu kita mengatakan penggiliran Ketua Menteri di Sabah memang tidak langsung, boleh dikatakan mustahil terjadi, tetapi dengan kepimpinan beliau, beliau berani melaksanakan penggiliran Ketua Menteri di Sabah maka rakyat Sabah sekarang sudah mula memahami dan menikmati faedahnya.

Kaum-kaum yang dahulunya tidak senang duduk bersama selalu sangsi-menyangsikan di antara satu sama lain, sekarang sudah mula bekerjasama dan ini adalah satu hasil daripada keputusan yang bijaksana oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa dan saya yakin petanda-petanda baik yang sedang kita kecapai dan nikmati ini di negeri Sabah akan berterusan. Selagi kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya berterusan. Dalam beberapa tahun yang telah lalu, keadaan ekonomi kita memang sangat memberangsangkan dan prestasinya memang sangat baik. Sudah tentulah kalau dengan keadaan ekonomi yang sedemikian, negara-negara yang kuat, yang dahulunya mengharapkan penghormatan daripada negara-negara yang kecil dan sedang membangun tidak senang dengan keadaan ini kerana mereka takut sudah tentu lama kelamaan negara seperti Malaysia ini yang dipimpin oleh pemimpin yang bijaksana sudah tentu akan menyaingi kebolehan, kekuatan dan juga prestasi mereka. Jadi, sudah tentu mereka tidak senang hati.

Jadi, bagi kita rakyat Malaysia harus memahami kenapa mereka berbuat demikian dan oleh kerana kita faham, maka itulah seharusnya kita terus berdiri teguh dan menyokong supaya kepimpinan yang begitu berani dan bijaksana diteruskan. Keadaan pertumbuhan ekonomi yang begitu baik, rakyat yang berdisiplin tinggi, keadaan politik yang stabil, keadaan negara yang aman damai, itulah yang tidak disenangi oleh kumpulan-kumpulan tertentu.

Satu lagi saya ingin katakan di sini ialah kita di sini pemimpin-pemimpin sudah tahu mengapa kita menyokong dan juga menyatakan sokongan

kita yang penuh di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi saya ingin cadangkan di sini semua pemimpin termasuklah sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara mahupun pemimpin-pemimpin di peringkat negeri, daerah dan kampung, kita harus berusaha juga untuk terus menerangkan apa yang sedang berlaku di negara kita kepada rakyat jelata kerana dengan kefahaman mereka itu maka sama-sama kita merasai, sama-sama kita bersemangat untuk menyokong kepimpinan beliau. Kalaulah kita tidak berbuat begitu, seolah-olah kita hanya membuat seperti yang dikatakan oleh kumpulan-kumpulan atau orang-orang yang tertentu yang kita ini mungkin mahu angkat kaki. Jadi, untuk mengelakkan ataupun supaya rakyat faham apakah yang terjadi di negara kita ini dan mengapa kita harus membuat Usul ini rakyat perlulah mengetahuinya supaya mereka pun sama-sama memahami keadaan ekonomi pada ketika ini.

Sepertimana yang saya katakan tadi, saya tidak ingin berhujah lebih panjang kerana apa yang sudah dikatakan ataupun diujahkan oleh rakan-rakan sebelum saya berdiri di sini memang saya bersetuju 100% dan saya juga bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja bercakap tadi yang kita ingin melalui Kelab Senator mengadakan satu seminar ataupun conference dan yang penting di sini sama ada kita dapat melaksanakan seminar itu atau tidak tetapi mungkin yang penting di sana itu ialah respond mereka sama ada mereka bersetuju atau tidak, itu juga akan membayangkan pendapat kita dan kita juga boleh mengetahui sama ada mereka ini betul-betul percaya

dengan apa yang diusulkan oleh mereka itu ataupun mereka ini hanya didorong oleh kumpulan-kumpulan tertentu.

Maka dengan kata-kata yang sedemikian, saya sekali lagi menyokong Usul yang dibawakan atas kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya ucapkan semoga kita terus maju di negara ini dan bersama-sama menyelesaikan masalah yang sedang kita hadapi di negara kita ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Dengan itu sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat.

5.39 ptg.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di sini saya hendak mengambil kesempatan dalam perbahasan Usul untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Satu perkara yang penting saya lihat dalam persidangan ini ialah apa yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, hanya sedikit sahaja dikeluarkan dalam akhbar dan siaran radio.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini banyak cadangan yang baik telah diberi, misalannya tadi rakan saya Yang Berhormat mencadangkan kita ada forum di mana kita 'debate'kan. Bolehkah ini dilaporkan dalam surat khabar pada esok hari, bolehkah apa yang kita semua ucapkan pada petang ini dilaporkan dalam surat khabar?

Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya melihat setiap hari di surat khabar cuma dua 'line' sahaja dikemukakan dalam laporan mesyuarat Dewan Negara.

Apa yang diberi ialah jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini telah ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak surat khabar bolehlah memberi adequate coverage, dengan izin, kepada apa yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1936 di Eropah, negeri Jerman telah mula menyerang satu negeri demi satu negeri. Poland telah ditakluki, Hungary telah ditakluki, France telah ditakluki, akhir-akhirnya tertinggal England sahaja. Dalam tahun 1936 itu hingga tahun 1945 peperangan itu adalah dengan senjata api. Bulan Jun 1997 mula serangan lain, kali ini adalah satu serangan seperti kata orang putih, “insidious”. Kita tidak melihat dia datang ke sini dengan askar, tidak lihat dengan senjata, tidak lihat dengan kapal terbang dan sebagainya, tetapi sedikit demi sedikit mata wang kita jatuh, pasaran saham kita jatuh menjunam pada satu hari 100 points, 200 points sehingga pada hari ini nilai mata wang kita berbeza dengan bulan Jun. Sehingga hari ini tidak kurang daripada 35% hingga 40% mata wang kita telah hilang. Pasaran saham kita telah jatuh daripada 1,300 points sehingga kita bertuah dua hari ini naik sedikit sahaja balik kepada 600, ini bermakna lebih dari separuh telah dihapuskan daripada pasaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, serangan sekarang bukanlah serangan senjata, tetapi serangan ekonomi. Bila kita menghadapi cabaran dan serangan di rantau Asia Tenggara ini, siapa yang berani menghadapi cabaran ini. Jiran kita

Thailand sudah menerima IMF bermakna telah menyerah diri sendiri kepada pihak yang menyerang. Negara kita bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir berani semasa mata wang kita diserang, dituju tangan kepada siapa yang buat itu. Beliau berani dalam surat khabar tempatan dan seluruh dunia ditunjukkan dengan nama orang yang membuat serangan itu. Tidak ada saya dengar di mana-mana pun ada satu Perdana Menteri lain yang berani berbuat demikian.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir tahu kalau kita serah diri sendiri kepada orang yang menyerang kita, apa yang akan terjadi. Tuan Yang di-Pertua, bila sebuah negeri yang serah diri kepada pihak yang menyerang, apakah akan terjadi. Di India semasa pemerintahan British intan-intan yang tercantik, termahal telah dihadiahkan kepada Queen Victoria, intan-intan yang ada di South Africa adalah dalam lambang-lambang di negeri England.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita diperintah oleh British, kalau kita hendak melihat sekarang keris-keris yang diukir dengan mewah itu di manakah beradanya sekarang ini, bukanlah dalam negeri kita tetapi dia ada di Royal Museum of Natural History London, kalau kita pergi melihat semua keris-keris yang ada kita tidak pernah melihat dalam negara kita, tetapi semua ini adalah harta negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sama juga bila kita diperintah oleh orang asing, harta-harta negara kita akan diambil alih oleh negara-negara masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua, kalau kita terima IMF ini sebagai

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan kalau bolehlah melalui Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila sebut itu kena sebut Tuan Yang di-Pertua, bukan Timbalan Yang di-Pertua sebab yang duduk di atas itu adalah yang di-Pertua dan Timbalan itu hanyalah jawatan sahaja. Terima kasih.

Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, but I am sure you would respond of my trend of thought.
[Ketawa] Thank you very much Yang Berhormat Dato'

Banyak harta-harta kita yang bernilai sekarang telah berada di muzium-muzium di England. IMF kalau kita terima serupa juga, di mana kita akan jatuh di bawah pemerintahan orang luar. Pada hari ini saya telah dengar di Thailand 58 bank, cuma dua sahaja IMF membenarkan mereka hidup, yang 56 lagi lingkup, bila 56 itu sudah lingkup di manakah orang yang membuat simpanan di bank itu, sorrylah, simpanan awak ini tidak lakulah dan ini akan terjadi, tetapi bila kita menghalang mereka sampai kita menuduh kepada mereka, wira kita ialah Yang Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Beliau tidak mahu negara kita serahkan kepada orang asing, oleh sebab itu 34 Congressman membuat usul mendesak Perdana Menteri kita meletakkan jawatan. Mengapa mereka buat usul ini. Ini disebabkan Perdana Menteri kita

menjadi satu penghalang kepada tamak mereka. Mereka sebenarnya tamak dan mereka hendak mengambil alih negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami semua Ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini kami semua Ahli Dewan Negara daripada MCA semua 600 ahli-ahli MCA dan semua rakyat keturunan Cina mengaku semua menyokong dengan penuh

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan ya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir satu kesilapan yang telah diucapkan dalam menyebut 600 orang ahli MCA.

Dr. Yeow Seng Huat: Oh! 600,000 orang. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hanipah. 600,000 ahli-ahli MCA adalah memberi keyakinan dan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kami sayangi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Kita berilah kepada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin. Saya ingat sudah habis!

5.50 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga sebenarnya telah lapan kali bangun tetapi kebetulan Tuan Yang di-

Pertua dok syok tengok di sebelah sana, Alhamdulillah saya dapat juga untuk menyampaikan sokongan saya secara ikhlas di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang mempunyai satu inspirasi yang tinggi yang dapat membawa suatu cadangan yang begitu berharga di dalam Dewan Negara ini.

Sebenarnya, di tahun-tahun yang lalu, saya masih tidak lupa beberapa tahun di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia, saya pernah membuat suatu puisi dipersembahkan di perhimpunan agung untuk menceritakan bagaimanakah kewibawaan dan juga kepimpinan yang begitu tinggi nilainya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan saya telah pun di dalam perjuangan Islam saya telah meletakkan beliau sebagai mujahid Islam walaupun bila sekepulangan saya ke Kelantan, saya ditertawakan oleh setengah-setengah mereka yang tidak seronok dengan gelaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih jugalah kepada pembangkang kita yang dua orang daripada Kelantan kebetulan saya pun daripada Kelantan, nampaknya bangun menyokong. Walaupun dalam sokongannya itu seolah-olah bagai setitis madu yang mengandungi jadam yang pahit ditelan dan ini adalah suatu tabiat bagi PAS, rumah sudah pahat berbunyi, itu cara dia. Tetapi walau apa cara sekalipun kita akur terhadap sokongan yang telah diberi oleh beliau secara rasmi dalam persidangan ini, memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana selaras sebagai kesinambungan daripada apa yang telah diperkatakan ataupun yang telah diluahkan oleh Mursyidul'amnya iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Nik Abdul Aziz di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bukan calang-calang pemimpin. Sekali pun beliau sudah lebih dari 16 tahun menjadi Perdana Menteri, keunggulan pimpinannya masih terus bersinar, malah seluruh negara membangun masih memerlukan kehadiran beliau di pentas dunia untuk menjuarai kepentingan kita daripada ancaman new colonialism Barat. Tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan elit politik Barat memandang Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah sebagai duri dalam daging bagi mereka kerana mereka tahu Dato' Seri Dr. Mahathir tidak akan tunduk dan menyembah mereka. Dato' Seri Dr. Mahathir tidak akan menggadai kedaulatan, keluhuran dan kemerdekaan yang dikecapi semata-mata untuk menggembara dan memuaskan hati pemimpin-pemimpin di Barat.

Dalam memperjuangkan kepentingan antarabangsa yang tertindas, Perdana Menteri tidak gentar, beliau akan bercakap terus terang mengenai Soros sebagai penyangak, beliau mengatakan penyangak, Dato' Seri Dr. Mahathir tidak melabelkan pedagang mata wang dunia itu sebagaimana yang dikatakan oleh setengah-setengah mereka. Sebenarnya, prinsip Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah terang dan nyata. Kalau beliau mengatakan sesuatu itu tidak betul - tidak betul. Beliau mengkritik secara rasional walaupun ia tidak disukai oleh mereka yang tidak

ada perasaan ingin melihat bahawa kritikan yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat itu sebagai ikhlas.

Memanglah kelantangan itu tidak disenangi oleh semua lapisan mereka yang ada di Barat tetapi apakan daya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dipilih secara demokratik, menepati ideologi yang diperjuangkan oleh Amerika sendiri, maka inilah beliau tentulah tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Saya ingin menyatakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah berjaya mengubah nasib bangsa di dalam negara ini. Dalam buku beliau *The Malay Dilemma*, beliau telah pun mencurahkan perasaan beliau di zaman Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dikala itu, beliau telah menyatakan bagaimana cita-cita dan niat beliau untuk melihat rakyat di negara ini membangun dan apa yang telah dicita-citakan oleh beliau sekarang ini nyata dan jelas, kita telah mencapai ke tahap yang dicita-citakan oleh impian beliau sendiri dan pengubahan nasib ini telah dilandaskan oleh beliau seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran di dalam Surah Ar-Ra'du, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa dan kaum itu melainkan kaum itu mengubahnya dan inilah asas yang telah diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang unik sebagai pemimpin di sebuah negara yang kecil di negara Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan yang telah ditunjukkan oleh beliau juga adalah suatu pemerintahan yang berteraskan empat sifat besar yang

mungkin tidak dapat dilihat oleh setengah-setengah pemimpin di lain-lain negara. Beliau bersifat sebagai seorang pemimpin yang amanah. Beliau seorang yang mempunyai kecekapan, beliau juga seorang yang mempunyai keadilan dalam pemerintahan, contohnya negeri Kelantan, walaupun beliau telah dikecam oleh pemimpin-pemimpin PAS dan pembangkang, walaupun beliau dengan segala rasa kecewa kerana sebahagian besar rakyat Kelantan di kala itu menolak Barisan Nasional tetapi beliau sanggup turun ke Kelantan bertemu dengan Yang Amat Berhormat Datuk Nik Aziz untuk menandatangani MoU untuk membangunkan rakyat di negeri Kelantan daripada hidup dalam belunggu kemiskinan kepada suatu era penghidupan yang baik dan mencapai kejayaan. Ini adalah sifat keadilan yang telah ditunjukkan oleh beliau yang pada saya sifat ini jarang berada dan jarang dapat dilihat oleh beberapa pemimpin di negara-negara lain.

Saya ingin menyatakan juga tak nampak sifat keadilan ini dapat dilaksanakan oleh pemimpin PAS sendiri walaupun mereka menyatakan mereka membangun dengan cara pemerintahan Islam.

Yang keempat, beliau telah menunjukkan sifat ketegasan dan keberanian yang telah diluahkan oleh rakan-rakan kita dalam Dewan Negara ini, saya tidak mahu mengulanginya secara detail tetapi sekadar saya menyatakan beliau amat tegas dalam menghadapi masalah ekonomi dan krisis mata wang ini, beliau tidak tunduk kepada apa yang telah dibuat oleh negara lain iaitu memohon kepada IMF, bantuan kepada IMF dan sebagainya tetapi beliau tidak tunduk dengan apa yang telah dilakukan oleh negara-negara lain dan begitu juga dalam

apa-apa masalah yang beliau tangani, beliau adalah seorang yang mempunyai ketegasan yang tidak boleh dinafikan.

Yang kelima, beliau sentiasa menyampaikan dan menyatakan kepada kita semua ialah sikap perpaduan di kalangan kaum di dalam negara ini. Inilah lima prinsip yang pada saya yang telah dilaksanakan oleh beliau dalam pemerintahan beliau selama 16 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, media asing membuat sesuatu kesilapan besar apabila mereka mengkritik kepimpinan Perdana Menteri dan menggesanya supaya meletakkan jawatan dan ini pada saya adalah suatu perkara yang amat besar kesilapan yang dilakukan. Mereka lupa bahawa tradisi kesetiaan dan sokongan rakyat kepada pemimpin tetap utuh, biar pun menerima segala ancaman lebih-lebih lagi daripada pihak asing, ini kerana rakyat di negara ini percaya dan menghormati sistem demokrasi yang diamalkan. Rakyat sebagaimana pemimpinnya tidak pernah dan tidak akan tunduk terhadap tekanan pihak luar kerana percaya soal kepimpinan adalah isu dalaman dan pihak lain tidak perlu campur tangan walau atas dasar apa sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, apabila media asing seperti majalah *Times*, *Newsweek* dan lain-lain lagi menyarankan Dato' Seri Dr. Mahathir supaya meletakkan jawatan berikutan krisis ekonomi yang melanda negara, rakyat membulatkan tekad menyokong Perdana Menteri. Usaha itu gagal menggugat kedudukan Perdana Menteri, sebaliknya memperkukuhkan lagi sokongan terhadap beliau. Media asing telah silap perhitungan, rakyat amat sensitif

terhadap kedaulatan negara, mereka percaya kepada kepimpinan yang dilaksanakan berdasarkan acuan Asia bukan acuan Barat.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan terhadap Perdana Menteri bukan kepura-puraan, sebaliknya ia lahir daripada keikhlasan rakyat sebagai menghargai khidmat beliau selama ini dan juga kecekapan dan keadilan yang telah ditunjukkan oleh beliau. Bagaimana prestasi keyakinan rakyat terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir ini dilihat begitu jugalah kalangan Menteri Kabinet, UMNO, bukan kerajaan, Kerajaan Negeri, parti komponen Barisan Nasional dan pemimpin parti pembangkang termasuklah Yang Berhormat Puan Jamilah dan Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah yang juga membuat sokongan. Mungkin banyak pihak yang akan mempersoalkan jika sokongan terhadap kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir dinyatakan oleh penyokong dan parti komponen Barisan Nasional sahaja sebaliknya apabila pembangkang juga mahukan Perdana Menteri kekal dan tidak menyalahkan beliau terhadap kejatuhan nilai Ringgit, media asing tidak boleh berbuat apa-apa. Yang Berhormat Puan Jamilah tadi, ia bukan menyalahkan tetapi cuma tabiat itu sedikit-sedikit adalah.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pembangkang mempertahankan Dato' Seri Dr. Mahathir melihatkan budaya politik parti di negara ini yang meletakkan kepentingan nasional sebagai mengatasi segala-galanya. Apabila PAS secara terbuka menyatakan mahu Dato' Seri Dr. Mahathir kekal walaupun dia sebut, selama mana yang dia mahu, tetapi sebenarnya dia hendak suruh kekallah itu. Dia telah menyebut dengan jelas di dalam Dewan tadi, Dato' Seri

Dr. Mahathir kekal dengan jawatannya, media asing akhirnya mereka terpaksa akur akan kehendak rakyat di negara ini. Tindakan media asing itu sebenarnya telah membuka ruang untuk dikritik berikutan sikap tidak profesional yang ditunjukkan oleh mereka kerana apa yang berlaku ialah kebanyakan kenyataan Dato' Seri Dr. Mahathir serta pemimpin-pemimpin lain telah diputarbelit serta dimanipulasi supaya ia berunsur negatif. Ini kerana media asing akan sentiasa mengambil kesempatan untuk menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara. Barat sebenarnya bimbang akan kelantangan Dato' Seri Dr. Mahathir di peringkat antarabangsa kerana suara beliau sejak kebelakangan ini amat berpengaruh, malahan beliau sebenarnya secara tidak langsung dianggap sebagai mewakili negara Asia di peringkat antarabangsa.

Tekanan terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir bukanlah perkara baru, sebelum ini pun beliau pernah dikritik dan dikatakan tidak berupaya lagi untuk meneruskan tugasnya berikutan sokongan rakyat yang dikatakan kononnya beralih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar, cara memperlagakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah diperlakukan oleh mereka. Malahan teori mengenai ini turut digunakan untuk mengeruhkan hubungan Dato' Seri Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar. Semua ini adalah tekanan pihak luar yang berniat jahat dan bertujuan menikam kepimpinan Perdana Menteri. Bagaimanapun, sejak dahulu lagi negara tidak pernah akur terhadap Barat dan kewibawaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir tidak pernah dipertikaikan, apa pun kemelut yang melanda negara, rakyat menaruh keyakinan penuh terhadap kewibawaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir untuk menanganinya. Bagi Dato' Seri Dr. Mahathir tekad rakyat dalam menangani krisis yang melanda negara adalah sesuatu yang terpuji dan amat dihargai. Menurut beliau negara ini telah menjadi lebih miskin dari segi kewangan akibat masalah ekonomi yang melanda tetapi mereka kaya dengan tekad untuk bekerja dan bersatu dalam mengatasi kerumitan. Keadaan sedemikian membolehkan negara muncul lebih kukuh selepas menghadapi kerumitan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa saya ingin menyebut di Dewan yang mulia ini kepada media tempatan kita iaitu terutama BERNAMA, penulis-penulis dan wartawan-wartawan kita pada saya, saya amat menyanjung tinggi terhadap mereka yang telah bertungkus lumus, telah pun memberi kesedaran kepada rakyat dan membawa imej-imej yang baik untuk melihat kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ini dapat memberi keyakinan penuh kepada rakyat dengan cara pena yang telah mereka gerakkan di dalam penulisan mereka. Dengan ini saya juga berbangga dengan sikap penulis-penulis kita yang mana bolehlah kita katakan mereka turut sama memperjuangkan atau menentang apa yang telah dilakukan oleh oleh media-media asing.

Saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini walaupun pernah disebut oleh rakan-rakan saya yang telah bercakap pada waktu semalam dan hari ini mengenai tugas kedutaan kita di seluruh negara di dunia ini, mereka juga bukan sahaja bertugas untuk menyambung perhubungan baik antara negara kita dengan negara tersebut, tetapi di saat sekarang, di masa era yang kita hadapi ini mereka perlu bertanggungjawab dan juga berfungsi sebagai kedutaan yang dapat mencerminkan atau menyampaikan mesej negara mengenai kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di luar negara sebagai suatu gambaran yang baik, yang dapat diterima oleh rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyanjung tinggi terhadap perpaduan yang telah ditunjukkan oleh seluruh rakyat di negara ini di atas sokongan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasai seperti apa yang dirasai oleh rakan-rakan saya yang lain, saya juga tidak memanjangkan ucapan saya kerana memberi peluang kepada rakan yang lain untuk mencurahkan apakah perasaan mereka terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ini, tetapi sebelum saya duduk, saya juga ingin menyokong terhadap rakan saya iaitu Yang Berhormat Dato' Ghazi yang telah pun membuat suatu saranan yang amat baik iaitu dengan mengadakan persidangan antara Kelab Senator dengan 34 orang Ahli Kongres daripada Amerika Syarikat untuk kita sama-sama berhujah dan sama-sama menyampaikan apa

perkara-perkara negatif yang telah pun ditimbulkan oleh mereka. Dan ini adalah satu saranan yang baik dan saya mengharapkan kepada Kelab Senator iaitu mereka yang mengendalikan Kelab Senator ini supaya dapat menjalankan ataupun melaksanakan tugas ini dengan baik setelah Usul di dalam Dewan ini diterima nanti. Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya memberi sokongan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga kepada Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail. Minta maaf Yang Berhormat. Kita ada 25 minit lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap ini pun ramai lagi, besok patut kita bincangkan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, ada peluangkah Usul ini disambung semula pada esok hari? Kerana selepas ini ada ramai lagi yang hendak berucap, adakah kita boleh sambung lagi pada esok hari untuk memberi peluang kepada semuanya untuk bercakap!

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Heh, heh, cadangan itu sudah pun disokong. Tetapi sungguhpun boleh bercakap lagi esok, patutnya pendekkanlah sedikit, fasal semua perkara telah pun diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada ini, saya rasa mana perkara yang tidak disebutkan bolehlah disebutkan tetapi yang telah disebutkan beberapa kali itu patut

ditinggalkanlah ya, kalau saya boleh nasihat sedikitlah dalam hal ini. Sila teruskan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

6.08 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini untuk turut menyokong satu Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu berdiri teguh menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri dan juga menyokong penuh di atas segala tindakan yang dilakukan bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan juga negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan martabat sebagai sebuah negara merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, peluang untuk menyatakan sokongan bagi Ahli Dewan Negara di dalam Dewan yang mulia ini adalah penting, ianya bukan retorik, ianya bukan satu kesempatan untuk menunjukkan kebolehan tetapi suatu pernyataan, kalau boleh kalau ramai lagi Ahli Dewan Negara yang hendak berucap apa juga yang mereka hendak sebut asalkan tidak terkeluar dari Usul ini, kita harus benarkan [*Tepuk*] dan kita berharap supaya Tuan Yang di-Pertua tidak mengikat peluang kita untuk berucap semata-mata kerana ada banyak perkara yang hendak dibincangkan. Kalau Dewan Rakyat kita boleh tambah dua hari mengapa Dewan Negara tidak boleh ditambah lagi sehari

ataupun dua hari. [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini pandangan saya!

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen. Kita mempunyai proses tersendiri untuk memilih pemimpin kita, kita telah merdeka hampir 40 tahun lebih dan kita telah membuktikan kita mampu mentadbir negara kita sendiri. Kita telah mencapai dari segi pembangunan ekonomi dan juga pembangunan lain yang cukup baik. Tidak ada track record di dalam dunia ini negara seperti Malaysia yang memerintah daripada kerajaan yang terdiri daripada berbelas-belas parti komponen Barisan Nasional yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir sekarang ini sebagai Perdana Menteri yang keempat berjaya meletakkan Malaysia di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat apakah cabaran yang dihumban terhadap kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Cabaran-cabaran ini datangnya daripada 34 Ahli Kongres Amerika yang mana saya telah kemukakan soalan tempoh hari, bantahan ataupun pandangan 34 Ahli Kongres ini bukan direstui oleh kerajaan mereka tetapi pandangan peribadi mereka dan mungkin saya katakan 34 orang Ahli Kongres ini mungkin keturunan dari Yahudi dan begitu juga media-media asing yang disebut yang terlibat sama dalam tuduhan ini seperti *Times*, *Newsweek* dan *Euromoney*, media-media ini juga mungkin dikuasai dan digunakan oleh orang-orang yang daripada keturunan Yahudi.

Oleh sebab itu, kalau kita melihat cabaran-cabaran yang meminta supaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir meminta maaf dan kalau dia tidak mahu meminta maaf, dia minta Dato' Seri Dr. Mahathir meletak jawatan. Ini adalah suatu provokasi yang semata-mata hendak melihat sejauh mana ketabahan rakyat Malaysia. Apa pendirian kita, apa pendapat kita, bagaimana keadaan dan saya yakin penuh perkara-perkara ini ditimbulkan kerana pihak Barat sudah melihat kewibawaan Dato' Seri Dr. Mahathir di arena antarabangsa. Dahulu kita tidak pernah mendengar analisa daripada CNN, analisa daripada Asian Business News yang menyebut Malaysia, menyebut Dato' Seri Dr. Mahathir tetapi sekarang kita buka sahaja, kita dengar diberi ulasan bersangkutan dengan kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir, bersangkutan dengan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin Malaysia, dia telah membuat sesuatu untuk mempertahankan kedudukan ekonomi, untuk membela kepentingan dan juga faedah kebajikan rakyat, dia bukan membuat salah apa, ia tidak langsung menjejaskan negara lain. Apa yang dibuat semata-mata untuk hendak membela, dia mengatakan, kita telah membangun ekonomi kita selama 17 tahun lebih, tiba-tiba ekonomi kita boleh diganggu-gugat. Dalam masa yang sekejap sahaja semata-mata dibuat oleh orang yang namanya Soros dan George Soros ini seperti yang disebut oleh Dato' Seri Dr. Mahathir secara kebetulannya daripada keturunan Yahudi yang berniaga wang, menggunakan kekayaannya dan mungkin digunakan oleh

kuasa-kuasa tertentu termasuk Amerika Syarikat dan termasuk orang-orang Yahudi untuk hendak menggugat kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir.

Kebelakangan ini dunia terpaksa akui bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir diterima oleh seluruh dunia, dia telah menjadi pemimpin ketiga, dia telah menjadi juara dalam menyatu-padukan negara-negara Islam dan rakan-rakan kita yang bukan Islam janganlah salah tanggapan, Dato' Seri Dr. Mahathir tidak langsung berniat untuk menyatu-padukan negara Islam, untuk hendak memusuhi orang-orang yang bukan Islam semata-mata hendak mengembalikan imej Islam sebab Amerika sekarang ini menganggap Islam adalah sebagai golongan penjenayah, dia menganggap Iran sebagai sebuah negara yang menyokong penjenayah, dia menganggap perbuatan yang dibuat itu sebagai penjenayah, ini adalah tuduhan yang melulu, tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Apa yang diperjuangkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir ialah keadilan sejagat, menyatu-padukan negara-negara Islam untuk kepentingan seluruh dunia bukan untuk kepentingan Malaysia dan juga negara-negara Islam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang menjadi asas untuk kita menyokong kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Yang pertamanya, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah menyatakan dengan jelas bahawa dia tidak memusuhi Yahudi.

Yang keduanya, dia telah menjelaskan apa yang dia sebut, apa yang dibuat olehnya untuk memulihkan ekonomi Malaysia khususnya dan ekonomi negara-negara serantau amnya. Pihak yang ada kepentingan dari segi politik dan juga ekonomi ini menuduh bahawa kejatuhan mata wang di Malaysia dan

termasuk negara-negara di Asia ini adalah kerana kelantangan Dato' Seri Dr. Mahathir menonjolkan perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan kedudukan sekarang, mereka mengatakan dan Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri mengatakan mengapa di Thailand berlaku kejatuhan mata wang, mengapa di Filipina berlaku, pemimpin Filipina tidak pernah menyebut, pemimpin Thailand tidak pernah bercakap dan selepas itu barulah tempiasnya datang ke Malaysia. Ini menunjukkan mereka sengaja menimbulkan isu.

Saya melihat di sini bahawa di antara perkara yang dilihat sebagai satu tindakan yang tidak munasabah ialah tindakan 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat itu adalah bercanggah dengan prinsip amalan demokrasi berparlimen. Tindakan 34 Ahli Kongres itu adalah melulu dan tidak berasas seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mereka tidak menghormati hak dan kedaulatan sebagai sebuah negara yang merdeka dan mereka juga bertindak bercanggah dengan dasar dan prinsip tidak campur tangan sebuah negara dalam hal ehwal sesebuah negara lain terutamanya dalam perkara menentukan bentuk pemerintahan dan kepimpinan negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan kenyataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari parti PAS tadi iaitu katanya, kenyataan Dato' Seri Dr. Mahathir di Pulau Langkawi adalah bercanggah dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pada mulanya Yang Berhormat tadi menyokong kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir selepas itu dia cuba timbulkan isu ada sedikit perbezaan dan ini menimbulkan kekeliruan.

Sebenarnya, secara kebetulan saya mendapat jawapan daripada soalan yang saya kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan kita kena tahu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ialah Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dia juga sebagai Timbalan Perdana Menteri, kalau kita hendak melihat kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ini cukup konsisten dan kalau Dato' Seri Dr. Mahathir masuk campur dalam soal ekonomi, dia bukan isu Menteri Kewangan, ia adalah isu negara. Oleh sebab itu, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi adalah meleset dan tidak tepat, sebab di dalam jawapan yang saya tanyakan iaitu minta Menteri Kewangan menyatakan projek-projek mega yang ditangguh dan jumlah modal yang terlibat serta kesan-kesan sampingan. Jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ialah projek-projek mega yang telah ditangguhkan pelaksanaannya adalah seperti berikut:-

- (i) Projek hidro elektrik Bakun;
- (ii) Pusat pentadbiran Putrajaya Fasa II;
- (iii) Lapangan Terbang Wilayah Utara;
- (iv) Projek Jalan Cameron Highlands/Fraser Hills/Genting Highland;
- (v) Projek Kuala Lumpur Linear City; dan
- (vi) Jambatan Selat Melaka Malaysia/Indonesia.

Dia tidak sebut langsung jambatan darat daripada Langkawi ke Thailand, oleh sebab itu tuduhan Yang Amat Berhormat dari PAS tadi adalah

tidak tepat dan kita harap dia akan menarik balik, ini satu perkara yang tidak boleh kita buat di dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri laluan kepada saya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Sebenarnya, kenyataan saya tadi memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk memberi satu jawapan yang cukup baguslah, jadi kenyataan ini memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk menyatakan jawapan yang itu, jadi saya tarik baliklah kalau kenyataan saya itu tidak tepat. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah semangat seorang Muslim, jangan kita cap diri kita Islam tetapi membuat perkara fitnah. Ini saya ucap terima kasih dan tahniah dan saya harap Ahli Yang Berhormat pada masa yang akan datang bila hendak bercakap mesti bertanggungjawab dan mesti berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan berkenaan dengan mengapa kita perlu memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita. Sekarang ini memang kita akui keadaan ekonomi negara kita termasuk seluruh dunia, termasuklah negara Jepun, Korea dan termasuk beberapa negara lain yang sudah nampak kesannya akan menghadapi masalah yang sama. Tetapi kita bersyukur kerana kebijaksanaan kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir diganding oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, kita telah dengan cepat mengambil langkah-langkah positif yang saya yakin, insya-

Allah, pada tahun hadapan kita akan dapat pulihkan ekonomi. Percayalah kalau sekiranya rakyat Malaysia bersabar dan sanggup mengikat perut sedikit, apa maknanya kita dapat duit banyak tetapi kita tidak boleh pulihkan ekonomi untuk membantu kita memberi ekonomi kita sustainable, dengan izin, pada jangka panjang.

Oleh sebab itu, ada setengah kita melihat reaksi rakyat dalam TV bila Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengumumkan wakil rakyat termasuk menteri dan sebagainya akan potong gaji mereka 10%, lepas itu belanjawan kita akan dikurangkan lagi 18%, makna kata campur dengan 2% yang diumumkan dahulu menjadi 20%. Ini adalah satu tindakan yang cukup drastik, kalau kita melihat memang perkara ini sedikit sebanyaknya memberi kegelisahan kepada kita, tetapi insya-Allah, rakyat menyambut baik dan ada setengah orang kata kenaikan gaji tahunan itu tak payahlah berhenti, tak payahlah potong, cuma jangan beri bonus, tetapi pada pendapat saya, bonus diberi tidak apa, kenaikan gaji tahunan itu sedikit sangat setahun, kita hendak beku, kenaikan pangkat pun sama juga, lepas itu bila pulih naik balik, bonus itu beri pilih dan begitu juga kita harap dividen ASB, ASN, kerajaan jangan beri kurang dari 10% sebab ini akan membantu rakyat biasa dapat, sebab ia tidak akan menjejaskan, ia cuma duit dalaman, kita tahu hasil pendapatan syarikat-syarikat di dalam PNB ini adalah hasil pendapatan tahun 1996, dia tutup 1997 pun semasa kita tidak menghadapi krisis ekonomi.

Oleh sebab itu, saya yakin penuh pihak-pihak yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir badan-badan ini akan memikirkan kepentingan

rakyat biasa, orang yang membeli ASN, yang membeli ASB adalah terdiri dari rakyat yang menggunakan dana mereka selepas itu labur di situ. Oleh itu, kalau hendak turun saham dalam pasaran saham pun, orang yang ada duit sahaja yang membelinya, tetapi ASB, Amanah Saham Unit Trust ini adalah dibeli oleh rakyat. Oleh itu kita harap kerajaan akan mengkaji semula dan jangan menghampakan, yang lain-lain kira kurangkan dah - okay, tetapi yang itu kita kena pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang selalu menunggu termasuklah menteri dengan timbalan menteri bagi pihak kerajaan yang sanggup menunggu ini, mereka ini sebenarnya sama-sama menyokong kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir. *[Tepuk]*

Saya penuh yakin dengan sokongan yang kita beri ini saya ingin mencadangkan supaya Kelab Senator selain daripada sanggup memanggil 34 Ahli Kongres Amerika datang ke sini buat dialog dan sebagainya, kita akan buat surat rasmi hantar suatu pendirian bersama kepada mereka yang menghantar surat kepada Perdana Menteri itu, ini pendirian kita, kita semua Senator ini tandatanganinya menyatakan kita sokong penuh dan mereka tiada hak langsung untuk menggugat kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Saya harap Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, Ahli Jawatankuasa Kelab Senator akan mengambil perhatian, selepas sahaja lulus Usul ini kita akan panggil mesyuarat tergepar, saya sendiri pun termasuk dalam jawatankuasa itu, kita akan buat keputusan ini dan kita akan menghantar surat

selain daripada follow up yang kita telah buat itu. Kalau tidak, setakat kita bincang bercakap di sini sahajalah, depa tidak menerima apa dan kita masukkan berita ini dalam surat khabar.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya mengharapkan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki akan dapat mengambil perhatian penuh di atas cadangan yang tersebut. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sahabat saya ini dia peka, dia hendak beri saya berhenti sekejap lepas itu sambung balik.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya katakan tadi, sebenarnya saya amat menghormati pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang bercakap tadi. Saya tak payahlah pertikai sama ada mereka ini bercakap berulang ataupun sebaliknya sebab ini adalah suatu pernyataan, kalau boleh kita mahu Perdana Menteri tahu kita semua menyokong dan sebagai mengakhirinya, saya amatlah berharap supaya Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua dan menteri termasuk timbalan menteri yang hadir ini janganlah kita double standard, menganggapkan Dewan Negara ini sebagai rubber stamp, lepas itu hendak hadir atau tidak hadir pun kita ikut dan, sebab kami tidak mahu dikatakan menerima elaun buta, kami masuk ke sini mengambil bahagian dan kita bercakap, kita adalah pemimpin yang diberi amanah dan diberi tanggungjawab. Oleh sebab itu, biarlah apa yang kita buat ini dapat dilihat, cuma yang malangnya Tuan Yang di-Pertua, macam kawan-kawan saya sebutkan tadi, TV tidak ada, pemberita tidak ada, dia hendak masuk hal Dewan

Rakyat, ini yang kami tidak boleh buat apa. Ini pun sabotaj yang seperti ini pun serupalah sabotaj Dato' Seri Dr. Mahathir juga. *[Ketawa][Tepuk]*

Jadi, oleh sebab itu, kita berharap media tempatan pun pekalah, takkanlah tidak ada langsung bahan yang menjadi berita mereka, perkara yang Ahli Dewan Negara perkatakan di sini, tidak ada langsung, dalam berita?
[Ketawa]

Oleh sebab itu, kita harap kita ubahlah minda kita, ubahlah sikap kita, pemikiran kita supaya kita dapat exposekan perkara yang patut kita highlight untuk hendak menyatakan sokongan Ahli Dewan Negara kepada pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Akhirnya, saya memohon maaf dalam masa bercakap jika terkasar bahasa dan dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong penuh Usul Menyokong Kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

6.25 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk ikut serta dalam perbincangan ke atas Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa saya menyokong Usul tersebut dan saya berdiri ini sengaja untuk menyuarakan sokongan dari rakyat Malaysia di Sarawak yang berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi bagi menentukan ekonomi, politik, agama dan juga negara terus berkembang dengan penuh kedaulatan dan martabat sebagai sebuah negara merdeka.

Tindakan 34 dari Ahli Kongres Amerika itu harus dan akan tetap kita tentangkan dan di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyuarakan kekaguman kami terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Semua pemimpin perlu sokongan, tanpa sokongan seseorang pemimpin tidak akan dapat menjadi pemimpin. Tetapi berapa kuatnya seseorang pemimpin itu adalah bergantung kepada berapa banyak beliau mendapat sokongan dan bagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir kita, beliau telah mendapat sokongan yang begitu banyak dan saya di sini ingin menyuarakan sekali lagi kekaguman saya ke atas kepimpinan beliau.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah seorang pemimpin yang berkarisma yang berwibawa dan yang mempunyai pandangan yang jauh untuk membawa kita ke arah pembangunan dan kemajuan. Beliau mempunyai satu visi yang begitu baik untuk negara kita seperti apa yang termaktub dalam Visi 2020 di mana kita kelak akan dapat menjadi sebuah negara perindustrian pada tahun 2020 dan disertakan dengan rakyat yang berwibawa, yang bermoral tinggi dan yang berdisiplin.

Beliau telah mengajak kita mengubah ataupun mengalih paradigma kita supaya kita keluar dari pemikiran kita yang sempit, supaya kita mencuba cara baru untuk menempuh perubahan baru. Beliau telah dapat membawa kita ke arah kemajuan di mana beliau sendiri adalah seorang yang kreatif dan dapat

membuat sesuatu yang baru, yang belum pernah kita alami seperti apa yang telah beliau buat selama ini. Misalnya kalau dahulu kita selalu berfikir bahawa kita tidak dapat membuat sesuatu kerana banyak kesulitan tetapi bagi Yang Amat Berhormat tiada sesuatu perkara yang tidak dapat dibuat tanpa kita mencubanya. Adalah baik daripada kita mencuba dan gagal daripada kita tidak mencuba langsung.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mengubah pandangan kita dalam usaha beliau untuk membawa kita ke arah kemajuan dan beliau telah membawa kita melihat ke arah Timur di mana kita diusahakannya supaya merubah cara kita bekerja dan berfikir dan hasil dari itu, banyaklah yang telah kita dapati seperti pembuatan kereta Proton Saga, membuat Jambatan Pulau Pinang, membuat menara yang tinggi dan lain-lain lagi. Yang penting di sebalik kejayaan ini walaupun negara kita ini mempunyai berbilang kaum yang mempunyai tradisi dan budaya masing-masing, kita telah dapat mereka satu budaya kita sendiri iaitu budaya Malaysia. Pada masa ini kalau kita pergi ke luar negara, orang selalu bertanya: “Awak ini dari mana?” Kalau kita kata kita dari Malaysia, mereka akan menjawab: “Oh, ya, dengan izin, your Prime Minister is a very good good leader.” Dan dengan sendirinya jikalau kita dan mendengar kata-kata ini dengan sendirinya bahawa orang kenal Malaysia kerana Dato' Seri Dr. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Beliau telah menonjolkan dirinya dalam forum-forum antarabangsa dan sekali gus beliau adalah, dengan izin, salesman kita yang paling utama dan paling berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah ukul 6.30 petang.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung besoklah ya.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis
ditangguhkan hingga esok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.